



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

PROGRAM SEMARAK KASIH SPM 2.0 JPN SARAWAK TAHUN 2021

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

MODUL SEMARAK KASIH SPM 2021

2.0

NAMA :

SEKOLAH :

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

ISI KANDUNGAN	i
PENDAHULUAN	ii
FORMAT INSTRUMEN PENTAKSIRAN MULAI 2021 MATA PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU (2216)	iii
KERTAS 1 (2216/1)	
SET 1	5
SET 2	16
SET 3	26
CADANGAN JAWAPAN SET 1	38
CADANGAN JAWAPAN SET 2	56
CADANGAN JAWAPAN SET 3	70
PEMBINA ITEM	86
PENYELARAS ITEM	86

Isi Kandungan

Pendahuluan

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sangat komited dalam memartabatkan pendidikan di negeri Sarawak terutamanya dalam usaha meningkatkan gred purata negeri amnya dan khususnya gred purata mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) 2021.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) telah digubal bagi menggantikan kurikulum Kesusasteraan Melayu yang telah digunakan sejak tahun 2003. Mata pelajaran KMK merupakan mata pelajaran elektif bagi sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran ini kepada murid Tingkatan 4 dan 5. Justeru, bagi memastikan keseimbangan antara kurikulum dan peperiksaan mulai tahun 2021 format baharu KMK SPM telah diperkenalkan. Format baharu KMK 2021 mengandungi 2 kertas iaitu kertas 1 (2216/1) yang menekankan kepada ujian bertulis manakala kertas 2 (2216/2) pula menjurus kepada kerja kursus (penghasilan dan persembahan).

Menyedari akan perubahan ini, Bidang Bahasa Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bersama-sama beberapa orang guru Kesusasteraan Melayu Komunikatif di negeri Sarawak telah menyediakan latihan atau soalan bagi membantu murid-murid yang mengambil mata pelajaran ini menjawab kertas KMK (2216/1) . Penyediaan item dalam modul ini lebih menjurus kepada kertas 1 KMK (2216/1).

Modul Semarak Kasih Kesusasteraan Melayu Komunikatif 2216/1 terdiri daripada 3 set soalan yang menepati kehendak aras kesukaran atau keupayaan murid iaitu aras sukar, sederhana dan mudah. Selain itu, modul ini juga mencakupi standard kandungan dan standard pembelajaran yang terdapat dalam DSKP KMK Tingkatan 4 dan 5. Diharapkan usaha murni ini akan menghasilkan keputusan yang membanggakan untuk mata pelajaran KMK.

FORMAT INSTRUMEN PENTAKSIRAN SPM MULAI 2021
MATA PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (2216)

Bil	Perkara	Kertas 1 2216/1	Kertas 2 2216/2
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Komunikatif – Kerja Kursus (Penghasilan dan Persembahan)
2	Jenis Item	(a) Subjektif Respons Terhad (b) Subjektif Respons Terbuka	Subjektif Respons Terbuka
3	Bilangan Soalan	Bahagian A – 10 item [40 Markah] ● 6 item respons terhad berdasarkan 5 genre. ● 4 item respons terhad, iaitu i. Item mana-mana genre ii. Item kritikan sastera iii. Item berdasarkan Pembangunan Insan Jawab semua soalan Bahagian B – 6 item respons terbuka [60 markah] ● Soalan 11 hingga 16 Pilih dan jawab 3 daripada 6soalan	Tingkatan 5 (Satu Kerja Kursus secara individu) ● Pentaksiran Pusat ● Calon dikehendaki menyudahkan Kerja Kursus aspek Pengkaryaan (Karya asli/adaptasi dan mempersembahkan hasil karya dalam pelbagai bentukatau media) ● Bahagian A: Penghasilan Karya [20 markah] ● Bahagian B: Persembahan Multimedia atau Persembahan Langsung [20 markah]
4	Jumlah Markah	Jumlah : 100 markah	Jumlah : 40 markah

Bil	Perkara	2216/1	2216/2
5	Konstruk	● Mengingat dan Memahami ● Mengaplikasi ● Menganalisis ● Menilai ● Mencipta	● Mengaplikasi ● Menganalisis ● Menilai ● Mencipta
6	Tempoh Ujian	2 jam 30 minit (2½ jam)	Tingkatan 5: April hingga Mei
7	Cakupan Konteks	Mencakupi semua standard kandungan dan standard pembelajaran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5: 3: 2	
9	Kaedah Penskoran	● Analitikal ● Holistik	● Analitikal ● Holistik
10	Alatan Tambahan	Tiada	Tiada

MODUL SEMARAK KASIH 2.0

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (2216/1)

SET 1

Nama:

Nama Sekolah:

Bahagian A
Soalan Struktur

Jawab **Semua** soalan

1.

Bahawa dia ialah seorang peguam yang memiliki firma guamannya sendiri. Sebuah firma kecil cuma. Telah beramal selama kira-kira tujuh tahun. Memiliki rekod menang kes 50-50, yakni menang dan kalahnya kurang lebih seimbang. Bukanlah seorang peguam yang terkenal, dan sebelum ini hanya mengendalikan kes kecil-kecilan. Kes-kes Kemalangan jalan raya, menyaman syarikat insuran, tuntutan hutang dan sebagainya. Dan ini adalah kali pertama dia mengendalikan kes mewakili dirinya sendiri. Dan kali pertama pula membawa kes sebesar ini jumlah tuntutannya.

Dipetik daripada cerpen *Res Judicata*
karya Aidil Khalid

Berikan **empat** perwatakan peguam yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.

[4 markah]

2.

"Setengah jam tadi saya masih berada di kapal," katanya sambil bersalam-salam sebelum duduk. "Pada masa itu terlintas dalam fikiran saya, saya ini ada urusan, tapi lupa betul-betul apa benda urusan itu. Cuba punya cuba, sampai perut terasa lapar. Apabila dah lapar, teringat nak makan. Apabila teringat nak makan, baru teringat janji kita. Teruk betul saya ini, bukan? Kalau macam ini mana boleh jadi wakil Dewan Presiden. Pemilihan umum akan datang, saya menarik dirilah. Saya sungguh-sungguh ni."

Sambil makan-makan dan setelah berbual pelbagai perkara, wakil menyentuh hasratnya lagi untuk mengundur diri daripada bidang politik.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Berikan **satu** teknik plot berserta contoh.

[4 markah]

3. (MAT PIAH dan BLACKAY berada di tepi tembok Padang Kota Lama mengadap Fort Cornwallis)

MAT PIAH : Fort Cornwallis ni tutup, tuan. Esok pukul sembilan pagi baru buka. Saya hairan, kenapa tuan nak berjalan-jalan pagi-pagi buta ini, tuan? Esok tak boleh?
Tuan tak mahu balik tidur? Tuan tinggal di hotel mana?

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*
karya Mahizan Husain

Berikan **dua** teknik penulisan drama berserta contoh.

[4 markah]

4. Virus-virus ini diutus dari langit global
percikan sampah dari jendela siaran
hibur sumbang dari pentas kayangan
libur songsang dari halaman maya
terselaklah tabir ketuluan
dengan bakteria gejala
berleluasa menjajah dasar atma
rapuhnya pertimbangan akal anak-anak bangsa
susila dan budaya tidak lagi bernyawa
pabila virus mazmumah terpercik mendiami jiwa
menusuk luka dan kupingku dinoda
hilangnya nanti permata negara
menjadi puing-puing harapan ayahanda.

Dipetik daripada sajak *Virus Dari Langit Global*
karya Nur Suhada Sayuti

Berikan **satu** nada berserta contoh.

[4 markah]

5. Telah Raden Menteri mangkat itu amat berdukacita Sang Nata. Maka duduklah baginda bertapa meminta kepada Dewata Mulia Raya moga-moga dihidupkan kembali anakanda berdua. Segala dewa di keinderaan sungguh belas dan kasih melihat Sang Nata itu. Maka Betara Guru menitahkan Betara Kala turun ke dunia untuk menghidupkan kembali Raden Menteri dan Ken Tambohan.

Maka bertolaklah Betara Kala dari kayangan dan terus pergi ke Taman Larangan kerana hendak mengambil kembang gandapura dan kembang wijaya mala.

Dipetik daripada Sastera Panji; *Bab X Raden Menteri dan Ken Tambohan Hidup Kembali*

Berikan **satu** persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut.

[4 markah]

6. Orang perempuan manusia juga,
Kehormatan dirinya wajib dijaga.
- Kalau tiada emas di pinggang,
Sanak saudara menjadi renggang.
- Ada wang badan tak sihat,
Tidak bernikmat apa dibuat.

Dipetik daripada *Gurindam Beberapa Petua Hidup*

Berikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan puisi tersebut.

[4 markah]

7.

Aku tidak pernah menyesal kerana menolak tawaran belajar di luar negara dan memilih universiti tempatan untuk menyambung cita-cita menjadi doktor seperti Along. Aku lebih menyesal kalau meninggalkan abah dalam kerinduan dan kesepian. Aku kira aku paling rapat dengan abah. Mungkin kerana aku satu-satunya anak perempuan abah.

Dipetik daripada cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah*
karya Fauziah Mohd Ismail

Berdasarkan petikan cerpen di atas, nyatakan **satu** keperibadian unggul Averah berserta contoh.

[4 markah]

8.

Baginda melihat kebesarannya,
Sangatlah takbur penuh rasanya,
Lalu bertitah kepada menterinya,
Aku nan siapa tara bandingnya.

Adakah raja terlebih kaya,
Daripada aku terlebih mulia,
Akulah raja di dalam dunia,
Terlebih daripada aku manakah dia.

Dipetik daripada *Syair Seratus Siti*
dalam antologi *Nilai Insan*

Berdasarkan dua rangkap syair tersebut, jelaskan **satu** pandangan anda terhadap perwatakan raja.

[4 markah]

9. DR. CHAN: Ya, itu terpulanglah padamu, Anna. Tapi, walaupun engkau sudah tiba di England, tak bermakna engkau tak akan memikirkan balik kata-kataku yang ikhlas ini. Zaki, kukira memang sayangkan engkau. Lebih-lebih lagi engkau dan Zaki sudah mempunyai Tina.
- ANNA: Ya, selepas ini hendaknya hati saya akan tenang. Saya harap doktor akan berjaya mengubat mata ibu Zaki. Mungkinkah dia dapat melihat kembali?
- DR CHAN: Terima kasih. Terima kasih. Sama-samalah kita doakan, hendaknya Mak Munah akan melihat semula. Minggu depan saya akan melakukan operation.

Dipetik daripada Drama *Anna*
karya Kemala

Berikan **dua** nilai murni yang menjadi sanjungan dalam petikan drama di atas berserta contoh.

[4 markah]

10. Lelaki itu pun mengarahkan para pengikutnya bekerja. Gali perigi. Bina bangsal pekerja. Dirikan gudang menyimpan segala alat utas. Buat tapak galangan betul-betul di tepi pantai tetapi tidak terjangkau oleh air pasang perbani.
- Kemudian baru menebang kayu-kayu lurus bulat untuk galangan. Lebih molekul kalau kawasan kayu galangan dipotong habis-habis sampai terang Tempat itu boleh dijadikan laluan membawa turun balak untuk badan bahtera, lantai, dinding, geladak dan tiang-tiang layarnya. Jenis balak yang sesuai untuk lunas, pakal, galangala juga jenis kayu untuk pasak, dia yang akan menentukan. Dia mengingat kembali ilmu membina bahtera tradisional yang ditinggalkan dua puluh tahun lalu. Apabila saudagar sekali gus tukang bahtera itu meninggal dunia dua puluh tahun lampau, galangannya turut mati, dan dia, tukang kepercayaan saudagar itu kembali jadi nelayan tepi pantai.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Berdasarkan petikan di atas, huraikan **dua** ciri kepimpinan yang perlu ada dalam membentuk negara mapan.

[4 markah]

BAHAGIAN B
Soalan Esei

Pilih dan jawab 3 daripada 6 soalan

11. *Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

SEPI SYAWAL TANPA BONDA

Rasa sendu
terkilan
kecewa
dan duka
semuanya terjaring
dalam relung hati
membiaskan lahar kesyahduan dan kesunyian
lalu terpancar pada arca wajah.

Kedamaian tiada lagi
sedang dahulunya
tika alunan bergema
akulah insan paling ceria
merenung redup matanya sebening embun pagi
betapa di dada tuanya
teranyam kelongsong kesabaran
di hati penuh makna.

Sunyi membungkam dalam diri
sepi diri tanpa bonda
kepiluan melamar jua
Ibu,
kau masih dalam ingatan
memoriku sepi tanpa ibu

(Pusara Sepi, Lorong Sejahtera, Kangar)

Amylia Hussain
Pohon Tradisi, 2012
Gapeniaga Sdn. Bhd

- a) Huraikan tema sajak. [4 markah]
- b) Jelaskan **empat** gaya bahasa. [8 markah]
- c) Cipta sebuah sajak bertemakan kekeluargaan. Panjangnya sajak hendaklah **antara 12 hingga 15 baris**. [8 markah]

12. Berdasarkan Sastera Epik dalam Antologi Nilai Insan:

a) Jelaskan **dua** ciri sastera epik.

[6 markah]

b) Huraikan **tiga** ciri kepimpinan Hang Tuah dalam membentuk negara yang aman dan makmur.

[6 markah]

Sebermula Raja Melaka hendak mengutus ke Benua Siam. Maka pada hari baginda duduk semayam, maka baginda pun bertitah, “Hai mamak Bendahara, akan sekrang kita hendak mengutus ke Benua Siam, minta beli gajah pada raja baarang empat ekor yang jantan, dua ekor betina! Siapa baik kita suruhkan?” Maka sembah Bendahara, “Daulat Tuanku Shah Alam, patik mohonkan ampun dan kurnia; jikalau lain daripada Laksaman adalah lambat pergi datang.” Maka raja pun memandang kepada Laksamana, Laksamana pun menyembah, “Daulat Tuanku, patiklah ke Benua Siam itu.”

c) Berdasarkan keseluruhan petikan tersebut, **hasilkan sebuah karya adaptasi dalam bentuk syair yang bertemakan Ketaatan Terhadap Raja**. Syair anda hendaklah terdiri daripada **dua** rangkap.

[8 markah]

13. Berdasarkan cerpen *Kami akan Mati*, Lin karya Saroja Theavy Balakrishnan:

a) Jelaskan **satu** persoalan berserta contoh yang terdapat dalam cerpen tersebut.

[4 markah]

Sejuta arus dulu pernah kaudatang ke dunia kami dan kami menerimamu dengan baik. Malah dengan pesta rona pelangi kami mengadakan persembahan menyambutmu. Antara kami ada yang menari lembut gemalai, ada yang lembut lenggok beragam dalam kumpulan. Tanpa malu dan tanpa segan silu, kami memperagakan tubuh badan kami dalam rupa dan rona pelbagai supaya engkau terhibur. Kami melakukan segala-gala supaya tujuanmu ke tempat kami tidak sia-sia dan kami sentiasa meriah dalam kenanganmu itu. Namun. keseronokan dan kegemilangan kami itu tidak berkekalan.

Kini, laut kian masin kerana air mata kami tidak putus-putus mengalir. Lin, datanglah. Lihatlah keadaan kami sekarang. Jika kautunggu lagi, mungkin engkau tidak akan bersua dengan aku. Jika kaulenggahkan kedatanganmu barangkali aku sudah menjadi batu-batan konkrit seperti yang berlaku ke atas saudara-maraku di Laut Caribbean.

b) Nyatakan **dua** teknik plot berserta contoh yang terdapat dalam petikan tersebut.

[8 markah]

- c) Jelaskan **empat** pengajaran berserta contoh yang terdapat dalam cerpen tersebut.

[8 markah]

14. Berdasarkan Cerpen *Perspektif* karya NF Abdul Manaf:

- a) Huraikan **dua** latar masyarakat.

[8 markah]

Subuh itu Sharifah dikejutkan oleh panggilan telefon daripada adik iparnya.

“Abang ngah kemalangan. Hospital Damai. Tingkat 21.”

Apabila Nordin mula bercakap seperti sepucuk telegram, Sharifah sudah mengagak. Abang Said sebenarnya telah meninggal dunia. Dia bergegas ke Hospital Damai bersama anak-anaknya, memandu sendiri selepas solat Subuh. Dia tidak menangis. Perasaannya lumpuh kerana terlalu terkejut.

“Kenapa dengan papa, mama?” Anaknya Sofia, merengek antara jaga dan tidur.

“Papa kemalangan.”

“Papa mati ya, mama?” Sofia cemas.

“Mama tak tahu,” Sharifah berbohong.

- b) Berikan **tiga** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.

[6 markah]

- c) Sharifah merupakan watak yang mempunyai nilai positif. Huraikan **tiga** nilai terpuji yang ada pada watak Sharifah

[6 markah]

15.

Dia tidak jemu-jemu menceritakan kisah kemunculan penyu raksasa. Penyu raksasa. Penyu raksasa yang akan membawa alamat buruk. Jadi, untuk menghindar bencana yang bakal terjadi, penduduk Ogonshoto harus pindah. Cari daratan baharu. Untuk itu perlu sebuah bahtera. Bahtera yang cukup besar.

Selepas berminggu-minggu kemudian barulah dia didatangi pengikut-pengikut yang percaya akan ceritanya. Lelaki pendiam di warung dahulu, datang bersama-sama dengan beberapa orang resi yang sering mengasingkan diri dalam hutan, kerana bertapa mencari kejernihan jiwa. Sejak itu pengikutnya mulai ramai, tetapi di rumahnya sendiri dia ditentang oleh anak lelakinya. Remaja yang sekali-sekala pulang ke rumah dari asramanya di Tatamanu berkata, "Bapa salah. Ogonshoto jauh dari sisi plat lingkaran gunung berapi Pasifik. Gempa besar mungkin terjadi di Tokyo. Mungkin California. Entah-entah nun jauh di Nyiragongo!"

- a) Huraikan **dua** isu masyarakat berdasarkan petikan dalam novel tersebut.

[6 markah]

- b) Jelaskan **tiga** keperibadian unggul yang terdapat pada watak nakhoda.

[6 markah]

"Kamu bertiga," suara nakhoda, ditujukan kepada mereka bertiga berpenyakitan itu," akan saya tempatkan di buritan geladak. Anak-anak kapal akan menjaga kamu. Semoga penyakit kalian akan sembuh. Segera. Makanan yang sesuai akan dihidangkan tiga kali sehari. Hanya, maaf, masakan itu tentunya tidak seenak hidangan di istana Presiden.

Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel tersebut supaya menjadi cerita yang bertemakan ketaatan. Panjangnya cerita hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**.

[8 markah]

16. Berdasarkan drama *Mat Piah dan Mr. Blackway* karya Mahizan Husain:

- a) Huraikan **dua** persoalan.

[6 markah]

- b) Jelaskan **dua** unsur patriotisme dalam drama.

[8 markah]

- c) Blackway merupakan watak antagonis. Sarankan **dua** perwatakan yang sepatutnya ada pada Blackway.

[6 markah]

MODUL SEMARAK KASIH 2.0

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (2216/1)

SET 2

Nama:

Nama Sekolah:

BAHAGIAN A Soalan Struktur

Jawab **Semua** soalan

1.

Degup ingin anak-anak bangsa
Masih kental mengisi mimpi
Membenteng tanah yang sesusuk ini
Dengan harga cinta tak ditawarkan
Dengan anyam kasih tak tercelakan

Kemerdekaan yang kita genggam bukan kata hiasan
Seperti kedaulatan bukan hanya seuntai slogan
Telah berjanji kita atas nama bumi pusaka
Sepakat rela kita julang menjunjungnya
ke puncak persada.

Dipetik daripada sajak *Mencintai Tanah Ini*
karya Lim Swee Tin

Berikan **dua** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam petikan puisi tersebut.

[4 markah]

2.

Sebermula maka tersebutlah perkataan naga yang menghantarkan budak itu. Setelah sudah budak itu berjalan, maka ia pun kembalilah pulang ke Tasik Hijau itu. Serta sampai maka bondanya pun bertanya kepada anaknya, "Hai anakku di mana budak yang membela anakku itu?" Maka katanya, "Sudah pulang ke tempatnya." Maka kata bondanya, "Apakah yang diberi oleh nenek kamu akan dia itu?"

Maka kata anaknya, "Adapun yang diberi oleh ninda itu cincin kesaktiannya yang di dalam mulutnya itu, itulah yang diberinya." Setelah didengar oleh bonda naga itu akan perkataan anaknya itu, maka bondanya pun marah seraya katanya, "Habislah kesaktiannya diberikannya kepada budak itu."

Dipetik daripada Sastera Hikayat *Hikayat Parang Puting*
dalam antologi *Nilai Insan*

Nyatakan **dua** ciri sastera hikayat berserta contoh berdasarkan petikan prosa tersebut.

[4 markah]

3. BLACKWAY: Saya minta ampun, minta maaf kepada semua orang Melayu. Pada semua orang *Puloo Pinang*. Memang kami penipu, penindas, penyamun. Saya sendiri malu dengan apa-apa yang pernah kami lakukan dulu. Memang kami bangsa kejam dan haloba. Apabila ingat semua hal yang pernah saya lakukan dengan Light dulu, saya rasa macam mahu amuk!

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr.Blackway*
karya Mahizan Husain

Nyatakan **dua** perwatakan Blackway berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut.

[4 markah]

4. Pak Yasok menghadap meja kerjanya. Dia memilih mata pahat kecil untuk memahat belulang patung wayang kulit di hadapannya itu. Dia meneruskan pahatan belulang Bota Mahwajawana, watak yang teramat jahat dalam tradisi Wayang Kulit Kelantan. Apabila tangan tua itu penat menebuk dan matanya berair, Pak Yasok akan berhenti seketika. Dia akan meneguk air kopi pahit yang disediakan oleh Mak Esah. Penat menebuk belulang, Pak Yasok akan membancuh warna dengan berus dan dicatkan ke permukaan belulang. Pak Yasok percaya benar kepada petua-petua pendalangan yang dipelajari melalui guru wayangnya, Dalang Tok Ali. Seri Rama mesti dicatkan dengan warna hijau dengan sayap sandang dan berdiri di atas belakang naga. Manakala Laksamana, adik kepada Seri Rama dicatkan dengan warna kuning.

Dipetik daripada Cerpen *Air Mata Dalang*
karya Rahimidin Zahari

Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.

[4 markah]

5. Dia menarik nafas lega dan menghembuskannya perlahan-lahan. Sekarang, fikirnya, bagaimanakah kalau aku memulakan eksperimen?
- Dia teringat hari terakhir di kamar itu, kira-kira empat bulan lalu sebelum berangkat ke Jepun. Segeralah dia memasukkan data hari, bulan dan tahun sebagai entri kalendar elektronik. Tiba-tiba data waktu pada bahagian belakang kameranya berkelip-kelip, minta entri tepat antara pukul 00:01 hingga 24:00. Dia pun memasukkan 13:25 sebagai entri, waktu terakhir sebelum bergegas ke lapangan terbang Tatamanu empat bulan dahulu.

Dipetik daripada Novel *Nartif Ogonshoto*
karya Anwar Ridwan

Nyatakan **dua** teknik penceritaan berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut.

[4 markah]

6. Tetapi sekarang Pak Mid tidak gila. Yang aku tengok semacam hendak gila ialah Tuk Nyan. Dia sudah tua. Sebab waktu aku kecil, dia pun sudah berumur orangnya. Sementara Pak Mid masih muda. Kini, Pak Mid hidup senang-lenang dengan rumah besar di samping anak dan isteri sentiasa bersama-sama dengannya.
- Sewaktu kecil aku tinggal sekampung dengan keluarga Pak Mid dan Tuk Nyan. Ada lapan keluarga lain yang bermukim di kawasan itu. Aku masih ingat lagi kerana dewasa itu aku sudah bersekolah dalam darjah enam. Pak Mid tinggal bersama-sama isteri dan dua orang anaknya yang belum bersekolah di rumah peninggalan ayahnya.

Dipetik daripada cerpen *Namun Itulah Hakikat* karya Nazri Hashim Muhamad

Nyatakan **satu** sudut pandangan berserta **tiga** contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.

[4 markah]

7.

Orang perempuan manusia juga,
Kehormatan dirinya wajib dijaga.

Kalau tiada emas di pinggang,
Sanak saudara menjadi renggang

Dipetik daripada Puisi Tradisional dalam antologi *Nilai
Insan*

Nyatakan maksud kedua-dua rangkap gurindam tersebut.

[4 markah]

8.

ZAKI (*berhadap-hadapan dengan ANNA*): Anna! Kaulihat sajalah keadaan ibuku. Dia menderita, Anna. Selama lima tahun aku di tanah Inggeris, dialah yang menyara belanja universitiku. Dia berjuang sehabis tenaganya, berkorban apa yang ada padanya, hingga tanah-tanah kami tergadai dan

ANNA: ... dan matanya hampir-hampir buta. Tapi engkau tak pernah menyoal bagaimana pengorbananku dan bagaimana penderitaan ibuku pula? Engkau sengaja mahu lupakan

Dipetik daripada Drama *Anna*,
karya Kemala

Berdasarkan petikan drama tersebut, nyatakan **satu** pandangan anda berserta contoh tentang perwatakan Mak Munah?

[4 markah]

9.

Seminggu kemudian, kumpulan pencinta alam yang berpejabat di Kuri secara rasmi membantah projek itu. Mereka menyertakan kajian ilmiah setebal tujuh puluh lima halaman, memberi penekanan kepada bencana besar yang akan dihadapi oleh Futu-Ata andainya projek itu diteruskan. Bantahan tersebut telah disampaikan kepada wakil Dewan Presiden di Kuri dan pihak berkuasa di Tatamanu.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Berikan **satu** citra masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut.

[4 markah]

10.

Titah Sang Nata, “Hai adinda, janganlah adinda berkata demikian! Sudahlah dengan kuasa Dewata Mulia Raya anakanda kita berkahwin dengan Ken Tambohan itu. Janganlah adinda terlalu sangat murka kepada Raden Menteri itu. Nanti hiba hatinya dan lari ia kelak. Biarlah ia duduk di istana Ken Tambohan itu.”

“Adapun Ken Tambohan itu, sungguhpun orang tawanan, tetapi anak raja juga. Lagi pun parasnya gilang-gemilang dan patut sungguh menjadi isteri anakanda Menteri.”

Dipetik daripada *Sastera Panji Bab V Raden Menteri Diketahui oleh Ayahanda dan Bondanya* dalam Antologi Nilai Insan

Nyatakan **satu** sanjungan pada watak Sang Nata berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tersebut.

[4 markah]

BAHAGIAN B Soalan Esei

Pilih dan jawab 3 daripada 6 soalan

11. Berdasarkan cerpen Bukit Emas karya Mufidah Hanum Yusuf:
- a) Nyatakan **dua** latar tempat berserta contoh yang terdapat dalam cerpen tersebut. [4 markah]
 - b) Jelaskan **dua** keperibadian unggul watak Sahat. [8 markah]
 - c) Huraikan **dua** isu masyarakat yang terdapat dalam cerpen ini. [8 markah]
12. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kasih Jualan (Pantun Empat Kerat)

Burung kekek burung di hutan,
Terbang naik berlegar-legar;
Mari encik marilah tuan,
Barang baik baru keluar.

Hari Jumaat pergi memukat,
Orang menangguk ikan di kali;
Minta maaf belum berhajat,
Datang menengok, bukan membeli.

Empat lima kuda di medan,
Kuda tengkot ke depan juga;
Bukan panglima rupanya tuan,
Makanya takut masuk berniaga.

Kuda tengkot menang berlumba,
Lompat bertangkup keempat kaki;
Mengapa takut masuk berniaga?
Kurangkah sanggup sifat lelaki.

Penakut sungguh rupanya ikan,
Umpan di kail lari menyepi;
Kedekut sungguh tuan nak makan,
Makanan baik tidak terbeli.

Kalau mengail ikan tenggiri,
Umpan di taut ikannya bilis;
Makanan baik tidak terbeli,
Sayang takut duitnya habis.

Kalung Bunga 2008

Dewan Bahasa dan Pustaka

- a) Huraikan **dua** bentuk pantun tersebut. [4 markah]
- b) Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam pantun tersebut. [8 markah]
- c) Ciptakan **dua** rangkap pantun empat kerat yang bertemakan **alam sekitar**. [8 markah]

13. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan :

Mereka, orang-orang Presiden itu, semakin mengerti akan falsafah serta pemikiran Presiden yang terdidik di sebuah negara demokrasi sekali gus negara kapitalis Eropah tentang erti kemajuan dan kekayaan menurut rangka kapitalisme. Dibenarkan, oleh Presiden dan ajaran kapitalisme itu sendiri, setiap individu berlumba-lumba mengumpul kekayaan. Ini berbeza sekali dengan pemikiran rakyat Ogonshoto bahawa masyarakat harus kaya, bukan individu. Alangkah dangkalnya fikiran rakyat, yang seolah-olah mahu membina masyarakat kaya melalui budaya dan gerak komunal. Lihat sahaja kegiatan rakyat yang suka berkumpul-kumpul mengisi masa lapang, bukankah itu tidak cocok untuk mengasah bakat individu menurut kapitalisme?

- a) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat di dalam petikan di atas. [4 markah]
- b) Berikan **empat** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat di dalam petikan di atas. [8 markah]
- c) Ciptakan sebuah sajak yang bertemakan **semangat bekerjasama**. Panjangnya sajak hendaklah antara **12 hingga 15 baris**. [8 markah]

14. Berdasarkan *Sastera Epik Hang Tuah diutus ke Siam*:

- a) Huraikan **dua** ciri sastera epik yang terdapat dalam cerita ini. [4 markah]
- b) Jelaskan **dua** unsur patriotisme pada watak Laksamana. [8 markah]
- c) Berdasarkan kreativiti anda, adaptasi perwatakan Laksamana kepada sajak yang panjangnya antara **12 hingga 15 baris**. [8 markah]

15. Berdasarkan cerpen Perspektif karya NF Abdul Manaf :

a) Huraikan tema cerpen tersebut.

[4 markah]

Malam itu Sharifah tidak tidur. Dia berniat untuk sedekahkan baju-baju yang baru siap itu kepada saudara-maranya di kampung. Dia akan hubungi mak Lijah tukang jahit dan Mek Nab tukang masak mereka. Dia akan berpakaian seperti Mek Nab supaya masyarakat dapat dikaitkan dengannya. Kalau Abang Said meragam, malu berjalan dengannya selepas ini, dia akan berserah kepada takdir. Dia tidak boleh menggembirakan semua orang. Imej Abang Said harus dijaga agar jangan dikata orang lagi. Begitulah kasih seorang isteri.

Subuh itu Sharifah dikejutkan oleh panggilan telefon daripada adik iparnya.

b) Berdasarkan petikan cerpen di atas, nyatakan **dua** unsur keagamaan berserta contoh.

[8 markah]

c) Abang Said dilihat bersikap tidak kisah akan teguran yang dibuat melalui surat oleh Serai Wangi. Sebagai seorang pemimpin, jelaskan **dua** sikap yang perlu diamalkan oleh beliau supaya disenangi oleh masyarakat.

[8 markah]

16. Berdasarkan drama Anna karya Kemala:

a) Huraikan pemikiran drama tersebut.

[4 markah]

b) Jelaskan **dua** pengajaran.

ANNA: Ya, selepas ini hendaknya hati saya akan tenang. Saya harap doktor akan berjaya mengubat mata ibu Zaki. Mungkin dia dapat melihat kembali?

DR. CHAN: Terima kasih. Terima kasih, Sama-samalah kita doakan, hendaknya Mak Munah akan melihat semula. Minggu depan saya akan melakukan *operation*.

Dipetik daripada drama *Anna*,
karya Kemala

[8 markah]

c) Berdasarkan kreativiti anda, sambungkan dialog tersebut supaya menjadi skrip drama yang mengandungi **tidak kurang daripada enam** dialog.

[8 markah]

MODUL SEMARAK KASIH 2.0

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF 2216/1

SET 3

Nama:

Nama Sekolah:

BAHAGIAN A Soalan Struktur

Jawab **Semua** soalan

1.

BLACKWAY : Saya minta ampun, minta maaf kepada semua orang Melayu. Pada semua orang *Puloo Pinang*. Memang kami penipu, penindas, penyamun. Saya sendiri malu dengan apa-apa yang pernah kami lakukan dulu. Memang kami bangsa kejam dan haloba. Apabila ingat semua hal yang pernah saya lakukan dengan Light dulu, saya rasa macam mahu amuk!

MAT PIAH : Amuk? Amuk? Engkau jangan curi amuk kami! Hanya orang Melayu saja yang boleh amuk. Engkau tak boleh amuk! Tak boleh! Belanda samun kami, Jepun samun kami. Bangsa kausamun kami. Harga diri kami, hak kami, tanah kami, emas kami, bijih kami, getah kami, perak kami, semuanya sudah dicantas ludes. Latah dan amuk kami pun engkau nak kebas!

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*
karya Mahizan Husain

Berikan **satu** persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut.

[4 markah]

2.

Menurut penduduk Aitu, lelaki tua yang gemar menyelam itu merupakan satu-satunya resi yang mereka kenal. Konon, ujar mereka, ada sejumlah resi di seluruh Ogonshoto. Ada yang bertapa di dalam gua gelap. Ada yang menyendiri di sela-sela batu lereng gunung. Ada yang berkumpul di hutan-hutan, menjungkir-balik tubuh di dahan pohon, macam keluang. Akan tetapi penduduk Aitu belum pernah melihat resi yang lain, kecuali lelaki tua yang gemar menyelam itulah.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua** gaya bahasa beserta contoh dalam petikan tersebut.

[4 markah]

3. Ada roh lain
yang perlu dipertahan
biar pokok berdiri kukuh
hingga musim berganti
dan kurun mendekati

Dipetik daripada sajak *Ranting*
karya Hilmi Rindu

Senaraikan **empat** bentuk yang terdapat dalam petikan sajak tersebut.

[4 markah]

4. Sengketa Pulau Batu Putih masih ruwet. Dua negara berebut untuk mendapatkan hak wilayah yang secara tidak langsung boleh melebarkan garis sempadan negara masing-masing. Tiada apa-apa yang wujud di atas pulau itu melainkan sebuah rumah api dan ketulan batu-batu. Ia bukan pulau peranginan. Tetapi kedudukannya memberi kepentingan kepada negara yang memilikinya.
Aku masih teringat semasa kami berbual secara *online*. Rosa begitu bersemangat sekali mempertahankan negaranya.
“Pedra Branca milik Singapura!” tegasnya.
“Panggillah Pulau Batu Putih itu dengan nama apa sekalipun, ia tetap seketul batu yang timbul dari permukaan laut dan berada lebih dekat dengan Teluk Ramunia berbanding Singapura.”
“Hei, kalau kaujumpa duit sepuluh dolar jatuh disisi engkau, belum tentu itu duitmu, bukan?” pantas dia membidas.

Dipetik daripada cerpen *Rindu Seorang Rafik*
karya Nisah Hj. Haron

Berikan **dua** teknik plot berserta contoh yang terdapat dalam cerpen tersebut.

[4 markah]

5.

Lelaki tua dari Kuri terus mengepalai demonstrasi menuju Tatamanu. Dalam perjalanan dia memberitahu beberapa orang, tidak lama lagi mereka akan sampai di simpang tiga. Dari sana ada dua jalan menuju Tatamanu. Mereka akan memilih simpang kiri menuju Tatamanu kerana jalannya lebih dekat berbanding jalan pantai. Lebih cepatlah mereka tiba di istana Presiden.

Panas matahari yang terus bangkit itu seperti mendorong mereka untuk bergerak dengan lebih pantas ke hadapan. Jeritan mereka bergema ke langit Gora-Gora. Tulisan-tulisan pada sepanduk ikut mengeliat dan gelisah, ingin tanggal dan berlari-lari menuju ke Tatamanu.

Dipetik daripada Novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridwan

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **satu** sudut pandangan berserta **tiga** contoh.

[4 markah]

6.

Empat lima kuda di medan,
Kuda tengkot ke depan juga;
Bukan panglima rupanya tuan,
Makanya takut masuk berniaga.

Kuda tengkot menang berlumba,
Lompat bertangkup keempat kaki;
Mengapa takut masuk berniaga,
Kurangkah sanggup sifat lelaki.

Dipetik daripada Puisi Tradisional dalam antologi *Nilai Insan*

Nyatakan **dua** unsur bunyi berserta contoh dalam petikan pantun tersebut.

[4 markah]

7. Setelah raja naga itu mendengar kata anak miskin itu, maka datanglah belas dalam hatinya akan budak itu seraya katanya, “Baiklah, kerana engkau sudah kuambil jadi cucu kepada aku dan jikalau lain daripada engkau tiadalah aku berikan cincinku ini. Adapun akan gunanya cincin ini terlalulah amat kesaktiannya. Jikalau ada seribu orang sekalipun cucuku hendak beri makan dengan seketika itu juga keluarlah hidangannya itu dengan berbagai-bagai rupanya”.

Dipetik daripada Sastera Hikayat, *Hikayat Parang Putting*

Nyatakan **dua** ciri sastera hikayat berdasarkan petikan tersebut.

[4 markah]

8. Dan mulalah terdengar teguran-teguran daripada ibu bapa.
“Jangan main dalam hutan itu, ada harimau.”
“Nanti kamu disembunyikan orang bunian baru tahu.”
“Kamu hendak mati dipatuk ular tedung?”
“Hei, degilnya! Nanti dibelit ular sawa baru kamu tahu.”
Tetapi aku sendiri tidak percaya adanya harimau di dalam belukar dan hutan buatan Pak Mid itu. Lebih-lebih lagi tentang orang bunian. Ular tu memang ada. Tentulah tempat begini memang menjadi habitatnya. Tetapi aku sendiri tidak pernah melihatnya. Kalau biawak, memang beberapa kali aku dan teman-teman pernah terserempak. Kami lari lintang-pukang. Sama-sama takut.
Sehingga aku bersekolah menengah rendah, Pak Mid meneruskan usahanya menanam pokok-pokok hutan. Ada orang kata itu hobi Pak Mid. Tetapi kerap juga aku dengar orang lain menyebut Mid gila menanam pokok. Kesian aku mendengarnya. Aku melihat Pak Mid sebagai seorang yang tekun, rajin, dan punya disiplin tersendiri. Dia tidak banyak cakap. Sungguhpun dia tahu ramai yang memerlinya dengan gelaran tidak baik itu, dia tetap tersenyum dan mesra apabila berbicara dengan mereka.

Dipetik daripada cerpen *Namun Itulah Hakikat*
karya Nazel Hashim Mohamad

Berdasarkan petikan, berikan **satu** pandangan terhadap masyarakat berserta contoh.

[4 markah]

9. (ANNA mengeluarkan foto ayahnya dari beg tangannya lalu menatapnya lama-lama). *Saya tetap sayangkan ayah. Maafkan Anna, ayah ...*)

SUARA GHAIB THOMAS CAPENTER: Engkau akan tahu nanti, mereka tak sama seperti kita. Aku kira Zaki lebih setia kepada ibunya daripada engkau sendiri. Engkau akan ke tepi. Demikianlah manusia Timur. Cintanya terhadap ibu dan saudaranya lebih daripada manusia Barat. Kita hidup atas kekuatan sendiri-sendiri, tetapi mereka bekerjasama, bergotong-royong itulah falsafah hidupnya. Engkau akan tahu nanti, sayang. Waktu itu engkau akan kehabisan air mata. Engkau tak akan sebulu dengan mereka. Ibumu, ibumu sendiri menjadi korban kekejaman mereka sebab berkahwin denganku. Ah, tak sampai hatiku melepaskan engkau pula ke tangannya!. Tetapi, engkau sendiri berdegil. Apa yang dapat kubuat, sayang, selain melepaskan engkau dengan perasaan berat dan dukacita seorang ayah. Tapi, biarlah, engkau akan pulang juga kepadaku, akhirnya ...

Dipetik daripada drama *ANNA*
karya Kemala

Nyatakan **satu** citra masyarakat berserta contoh berdasarkan petikan tersebut.

[4 markah]

10. Sang Nata adalah seorang ratu besar. Baginda mempunyai beratus-ratus hulubalang dan lasykar. Banyak negeri yang ditakluk ke bawah perintah baginda.

Di negeri Cempaka jajar ada diperbuat oleh baginda Sang Nata sebuah taman yang indah. Taman ini dipagar dengan kota batu. Di tengah kota batu itu ada sebuah kolam. Di sisi kolam itu ada dibina beberapa buah istana dan dalam istana-istana inilah Baginda Sang Nata menaruh segala puteri ratu-ratu yang takluk ke bawah perintah.

Dipetik daripada Sastera Panji : *Bab I Raden Puspa Kencana*

Nyatakan **satu** keperibadian unggul Sang Nata berserta contoh dalam petikan tersebut.

[4 markah]

BAHAGIAN B
Soalan Esei

Pilih dan jawab 3 daripada 6 soalan.

11. Berdasarkan drama *Mat Piah dan Mr Blackway* karya Mahizan Husain.

BABAK TIGA

(BLACKWAY tidak berkata apa-apa. Masih mendongak memandang ke arah Fort Cornwallis dalam simbah cahaya yang malap)

MAT PIAH : Dalam Fort Cornwallis ni ada patung Francis Light...err...kawan tuan tu. Dulu patung tu tempatnya di hadapan muzium. Sekarang ni dah pindah ke sini pula. Tak tahu sebabnya apa. *(Bercerita macam pemandu pelancong)*

BLACKWAY : Good heaven. Tempat ini dinamakan sempena nama Lord Cornwallis. *(Berkata kepada dirinya sendiri. Wajahnya menjadi melankolik. Dia membongkokkan dirinya sedikit sebagai tanda hormat kepada Fort Cornwallis. MAT PIAH hairan melihat aksi BLACKWAY)*

MAT PIAH : Tuan buat apa tu?

BLACKWAY : Take a bow

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr Blackway*
karya Mahizan Husain

- a) Jelaskan **tiga** teknik penulisan drama berdasarkan petikan drama di atas.
[6 markah]
- b) Huraikan **dua** latar tempat.

[6 markah]

BLACKWAY : Awak kenal Francis Light, bukan?

MAT PIAH : Kenal. Kenal. Francis Light yang buka dan teroka Pulau Pinang ini pada tahun 1786. Apa macam sejarah saya? Saya sekolah sampai darjah enam saja. Boleh hafal tarikh pembukaan Pulau Pinang pun dah kira geliga. *(Sengih)*

BLACKWAY : Saya mahu membuat pengakuan di sini, di hadapan awak. Bersaksikan bulan sabit dan bintang pecah lapan.

- c) Berdasarkan kreativiti anda, sambungkan petikan dialog tersebut supaya menjadi skrip drama yang mengandungi **tidak kurang daripada enam** dialog.

[8 markah]

12. Berdasarkan Sastera Epik : *Hang Tuah Diutus ke Siam* dalam Antologi Nilai Insan :

a) Jelaskan **dua** pengajaran dalam prosa ini.

[6 markah]

b) Laksamana Hang Tuah merupakan seorang watak yang mempunyai nilai positif. Huraikan **tiga** nilai terpuji yang ada pada watak Laksamana Hang Tuah.

[6 markah]

Maka pendekar itu pun segera datang menghadap dengan tujuh orang sertanya, sarung pedangnya sampai ke tanah. Setelah ia sampai ke dalam, maka ia pun menyembah; syahadan tiada ia membilangkan segala menteri dan hulubalang Benua Siam itu. Maka titah Phra Cau, “ Hai pendekar, engkau aku titahkan bermain pedang dengan utusan Melayu ini!” Maka kata Jepun itu, “ Berapa puluh orang Melayu itu? Jika seorang dua, bukan lawan patik.” Tatkala itu didengar oleh Laksamana, kata pendekar itu, maka ia pun amarah, serta disingsingkan tangan bajunya dan mengisarkan kerisnya ke hadapan, serta katanya, “Cih, hendak berdusta pula! Bicara kamu ini empat lima berdiri pun tiada endah padaku!” Maka pendekar Jepun itu pun amarah. Setelah dilihat oleh Phra Cau Laksamana amarah itu, maka titah Phra Cau, “ Laksamana jangan amarah.” Maka Laksamana pun menyembah, “Daulat tuanku, patik mohonkan ampun. Adapun hulubalang Melayu itu tiada dapat menengar kata yang keji di tengah-tengah majlis.” Maka titah Phra Cau, “Benarlah seperti kata Laksamana itu, tetapi kita pintalah, kerana kita sangat hendak melihat Laksamana bermain.” Sembahnya, “Daulat tuanku, patik hamba ke bawah Duli Phra Cau; mana titah patik junjung. Tetapi Si Tuah tiada mengilangkan nama tuannya.”

c) Berdasarkan petikan di atas, adaptasikannya kepada **enam** dialog drama.

[8 markah]

13. Berdasarkan *Cerpen Gulai Sembilang Untuk Abah* karya Fauziah Mohd. Ismail dalam antologi Kubentang Sehelai Peta:

a) Huraikan **satu** persoalan kasih sayang yang terdapat dalam cerpen tersebut.

[4 markah]

b) Huraikan **empat** perwatakan Averah.

[8 markah]

c) Huraikan **dua** isu masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut.

[8 markah]

14. *Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Gurindam Beberapa Petua Hidup

Orang malas jatuh sengsara,
Orang rajin banyak saudara.

Barang siapa mungkir janji,
Namanya tentu menjadi keji.

Kalau diri kena angkara,
Turutlah susah sanak saudara.

Segala maksiat ada di dunia,
Ikhtiarkan diri menjauhi dia.

Hukuman bagi orang berdosa,
Dengan tiada memandang bangsa.

Orang perempuan manusia juga,
Kehormatan dirinya wajib dijaga.

Kalau tiada emas di pinggang,
Sanak saudara menjadi renggang.

Ada wang badan tak sihat,
Tidak bernikmat apa dibuat.

Jika diturut kehendak hati,
Kelak boleh menjadi mati.

Kunci hati ialah iman,
Kepada kelakuan jadi pedoman.

Kalung Bunga, 2008
Dewan Bahasa dan Pustaka

- a) Berikan **dua** pengajaran berserta contoh yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]
- b) Huraikan **empat** bentuk gurindam tersebut. [8 markah]
- c) Cipta **empat** rangkap gurindam yang bertemakan **nilai-nilai murni**. [8 markah]

15. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridwan:

Orang-orang Presiden, setelah mendapat restunya, merancang untuk membangunkan pedalaman Tubua dari pertemuan tiga sungai di dataran Tubua sampailah ke kaki gunung berapi Gora-Gora. Untuk membina jalan, pinggang-pinggang bukit harus ditarah dan pokok-pokok hutan ditumbangkan. Jalan itu kelak akan membawa pelancong-pelancong terus ke kaki gunung berapi, tempat sebuah kompleks hiburan dan perjudian akan didirikan. Antara alasan orang-orang Presiden ialah pedalaman Tubua merupakan kawasan yang belum dibangunkan di barat Gora-Gora.

Sekumpulan penduduk di pedalaman Tubua memprotes rancangan orang-orang Presiden. Mereka menubuhkan sebuah komiti yang menentukan tahap serta kaedah-kaedah protes yang bukan sahaja demi penduduk Tubua dan provinsi Gora-Gora, malah akan menjangkau ke dalam kesedaran penghuni Rai-Rapa dan Futu-Ata juga.

Protes pun menjelma dalam bentuk sepanduk-sepanduk, bukan sahaja di pedalaman Tubua, malah di Tubua, atau dipaparkan di perahu-perahu nelayan. Entah bagaimana, suara-suara protes turut tersiar di radio dan televisyen republik, dan dapat menyelinap dalam akhbar tumpul di Ogonshoto. Jika ada sekelumit sesalan dalam kalangan orang-orang Presiden tentang protes itu, sesalan hanyalah mencari punca bagaimanakah suara bantahan dapat ditampung dalam media cetak dan elektronik milik republik. Presiden tidak akan melayani protes. Itu mereka tahu sungguh-sungguh. Mereka masih ingat akan kata-kata Presiden, protes tidak pernah membangunkan Ogonshoto. Hanya yang terus menjadi pertanyaan kecil orang-orang Presiden, adakah protes Tubua telah sampai ke telinganya.

Dipetik daripada Novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridwan

- a) Berdasarkan petikan di atas, huraikan **dua** latar masyarakat berserta contoh.

[6 markah]

- b) Berdasarkan pembacaan anda, jelaskan **dua** nilai kegigihan yang terdapat dalam novel tersebut.

[6 markah]

Hampir setahun lalu, menjelang senja, dia sedang bersampan cadik sebelah untuk pulang ke rumahnya di gigi pantai. Langit barat mulai kemerah-merahan. Di selat hanya sampannya sedang bergerak membelah permukaan air tenang. Angin berhembus nyaman, menolak layar sampan cadiknya ke arah pantai. Air laut semakin jernih hingga tampaklah hamparan pasir putih di dasarnya.

Tiba-tiba dia melihat ada sesuatu sedang bergerak dalam air, menuju ke arahnya. Hatinya berdebar-debar. Dia tahu ...

- c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel tersebut supaya menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjang cerita hendaklah antara **80 hingga 100 patah perkataan**.

[8 markah]

16. Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya:

Sekeping Kartu Kecil

Tiba-tiba dalam tak
disangka-sangka, ini pagi
angin bertiup ke utara
dan hujan pun turun
sungguh kupercaya
engkau lupa sudah
lantaran lama sekali tak jumpa!

Tadi aku disapa sekeping kartu kecil
di sana engkau catat ringkas
"Selamat lebaran Aidilfitri
dan maaf lahir batin."

Lalu kenangan semalam pun
hidup kembali
begitu indah begitu memukau
ada seribu burung
menyanyi-nyanyi
di ruang hati.

Pada lebaran yang bersih nanti
ya, ingin sekali aku berkunjung ke rumahmu
bukan lagi sebagai kekasih seperti kelmarin
yang melepas rindu
(jangan risau)
tapi kedatanganku
justeru sebagai saudara seagama bersama isteri
dan tiga orang anak tercinta.

kuharap semoga engkau tidak terperanjat
sambutlah sebagaimana kebiasaan
engkau menyambut tamu
kiranya hubungan persaudaraan kita
terus kukuh k
ekal berkepanjangan
sampai bila-bila.

(SMK Selandar, Melaka)
Mohd Adid Ab Rahman Belati Cinta Zulaikha, 2004
Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

a) Nyatakan nada sajak.

[4 markah]

b) Huraikan **empat** gaya bahasa dalam sajak tersebut.

[8 markah]

c) Ciptakan sebuah sajak yang bertemakan **persahabatan**.
Panjang sajak hendaklah **12 hingga 15 baris**.

[8 markah]

MODUL SEMARAK KASIH 2.0

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (2216/1)

CADANGAN JAWAPAN SET 1

**CADANGAN JAWAPAN
SET 1**

BAHAGIAN A

Soalan	Cadangan Jawapan
1.	Perwatakan Peguam i. Seorang peguam ii. Seorang yang memiliki firma guaman sendiri iii. Seorang yang memiliki firma guaman yang kecil iv. Seorang peguam yang tidak terkenal v. Seorang peguam yang mengendalikan kes-kes kecil vi. Seorang peguam yang rekod menang bicara hanya 50-50 vii. Seorang yang telah menjadi peguam sejak tujuh tahun
2.	Teknik Plot i. Imbas Kembali Contoh: "Setengah jam tadi saya masih berada di kapal,"/ Apabila dah lapar, teringat nak makan. Apabila teringat nak makan, baru teringat janji kita. ii. Dialog Contoh: "Setengah jam tadi saya masih berada di kapal," katanya sambil bersalam-salam sebelum duduk. iii. Pemerian Contoh: Sambil makan-makan dan setelah berbual pelbagai perkara. iv. Imbas muka Contoh: Wakil menyentuh hasratnya lagi untuk mengundur diri daripada bidang politik / Pemilihan umum akan datang, saya menarik dirilah.
3.	Teknik Penulisan Drama i. Aksi Contoh: MAT PIAH dan BLACWAY berada di tepi tembok Padang Kota Lama mengadap Fort Cornwallis ii. Dialog Contoh: MAT PIAH : Fort Cornwallis ni tutup, tuan. Esok pukul sembilan pagi baru buka. iii. Pelakon Contoh: Mat Piah/ Blackway

Soalan	Cadangan Jawapan
4.	Nada i. Nada Sinis Contoh: Virus-virus ini diutus dari langit global percikan sampah dari jendela siaran hibur sumbang dari pentas kayangan/ rapuhnya pertimbangan akal anak-anak bangsa susila dan budaya tidak lagi bernyawa ii. Nada Melankolik Contoh: pabila virus mazmumah terpercik mendiami jiwa menusuk luka dan kupingku dinoda/ hilangnya nanti permata negara menjadi puing-puing harapan ayahanda
5.	Persoalan i. Persoalan tentang kasih sayang ayah kepada anak. Huraian: Sang Nata bersedih atas kemangkatan anakandanya Raden Menteri. / “Telah Raden Menteri mangkat itu amat berdukacita Sang Nata.” ii. Persoalan tentang kepercayaan manusia terhadap dewa. Huraian: Sang Nata telah bertapa dan meminta dewa untuk menghidupkan nyawa Raden Menteri dan Ken Tambohan / “Maka duduklah baginda bertapa meminta kepada Dewata Mulia Raya moga-moga dihidupkan kembali anakanda berdua.” iii. Persoalan tentang belas kasihan terhadap masalah orang lain. Huraian: Segala dewa bersedih dengan nasib Sang Nata yang kehilangan anak dan menantunya. Justeru Betara Guru mengarahkan Betara Kala memakbulkan permintaan Sang Nata kepada dewa. / “Segala dewa di keinderaan sungguh belas dan kasih melihat Sang Nata itu. Maka Betara Guru menitahkan Betara Kala turun ke dunia untuk menghidupkan kembali Raden Menteri dan Ken Tambohan.”
6.	Pengajaran i. Kita hendaklah menghormati wanita/perempuan agar wanita juga mampu setaraf dengan lelaki.

Soalan	Cadangan Jawapan
	ii. Kita hendaklah menjaga kehormatan wanita agar maruah terpelihara. iii. Kita hendaklah mensyukuri nikmat kesihatan yang diberi agar dapat melakukan pelbagai pekerjaan semasa sihat. iv. Kita janganlah menilai hubungan persaudaraan itu berdasarkan wang ringgit agar ikatan persaudaraan tetap terjalin.
7.	Keperibadian Unggul Averah i. Yakin pada keputusan yang dibuat. Contoh : Aku tidak pernah menyesal kerana menolak tawaran belajar di luar negara dan memilih universiti tempatan untuk menyambung cita-cita menjadi doktor seperti Along. ii. Menyayangi dan mengambil berat masalah keluarga. Contoh : Aku lebih menyesal kalau meninggalkan abah dalam kerinduan dan kesepian.
8.	Pandangan Terhadap Perwatakan Raja i. Raja merupakan seorang pemerintah yang takbur. Huraian: Baginda melihat kebesarannya, Sangatlah takbur penuh rasanya, ii. Raja merupakan seorang pemerintah yang bercakap besar. Huraian: Lalu bertitah kepada menterinya, Aku nan siapa tara bandingnya iii. Raja merupakan seorang pemerintah yang angkuh. Huraian: Adakah raja terlebih kaya, Daripada aku terlebih mulia, iv. Raja merupakan seorang pemerintah yang tidak mensyukuri kehidupannya. Huraian: Raja walaupun seorang yang kaya dan mempunyai kebesaran yang tiada tandingannya, namun baginda tidak bersyukur dengan limpah kekayaan tersebut. Baginda mahu cuba mencari orang yang lebih kaya daripada baginda.

Soalan	Cadangan Jawapan
	v. Raja seorang pemerintah yang tidak mempunyai sifat rendah hati. Huraian: Raja dilihat memiliki kekayaan yang tiada tolok bandingnya. Dengan kekayaan ini, baginda menganggap diri baginda seorang yang mulia.
9.	Nilai Murni Yang Menjadi Sanjungan i. Kasih sayang suami terhadap isteri. Contoh: Zaki, kukira memang sayangkan engkau/ Zaki amat menyayangi isterinya Anna. ii. Keikhlasan dalam memberi nasihat. Contoh: Tapi, walaupun engkau sudah tiba di England, tak bermakna engkau tak akan memikirkan balik kata-kataku yang ikhlas ini/ Dr. Chan meminta Anna untuk memikirkan semula nasihat ikhlas yang diberikannya setelah Anna berada di England. iii. Percaya kepada Tuhan dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Contoh: Sama-samalah kita doakan, hendaknya Mak Munah akan melihat semula. Minggu depan saya akan melakukan operation /Dr. Chan meminta Anna supaya berdoa agar pembedahan untuk mengembalikan semula penglihatan Mak Munah berjaya iv. Bertanggungjawab dalam melaksanakan pekerjaan Contoh: Minggu depan saya akan melakukan operation / Dr. Chan bertanggungjawab untuk melakukan pembedahan bagi memulihkan penglihatan Mak Munah.
10.	Ciri Kepimpinan Nakhoda i. Kebijaksanaan dalam pengurusan. Contoh: Dalam menyiapkan bahtera, Nakhoda menguruskan pekerjaanya dengan baik melalui tindakan kerja yang sistematik /Lelaki itupun mengarahkan para pengikutnya bekerja. Gali perigi. Bina bangsal pekerja. Dirikan gudang menyimpan alat utas. ii. Kemahiran dalam pelbagai bidang ilmu. Contoh: Nakhoda yang akan menentukan jenis balak yang sesuai untuk lunas, pakal dan segala-gala juga jenis kayu untuk pasak kerana dua puluh tahun lalu dia berpengalaman membina bahtera/Dia mengingat kembali ilmu membina bahtera tradisional yang telah ditinggalkan dua puluh tahun lalu. Buat tapak galangan

Soalan	Cadangan Jawapan
	betul-betul di tepi pantai tetapi tidak terjangkau oleh air pasang perbani. iii. Kepantasan bertindak/Kepantasan melakukan tindakan. Contoh: Sebaik sahaja permohonan untuk membina bahtera diluluskan oleh pihak kerajaan, Nakhoda terus mengarahkan para pengikutnya bekerja.

BAHAGIAN B

Soalan	Cadangan Jawapan
11.(a)	Tema Kasih sayang seorang anak terhadap ibu. Huraian: Kasih sayang anak terhadap ibunya tetap utuh walaupun ibunya telah meninggal dunia. Penyajak tetap mengingati ibunya. Hati penyajak tersentuh terutama sewaktu menyambut kedatangan syawal, penyajak berasa amat sunyi tanpa ibu disisi. Ibu, kau masih dalam ingatan memoriku sepi tanpa ibu. Sunyi membungkam dalam diri sepi diri tanpa bonda kepiluan melamar jua.
11.(b)	Empat Gaya Bahasa i. Asonansi Contohnya, Ked<u>a</u>ma<u>a</u>ian ti<u>a</u>da la<u>gi</u> ii. Aliterasi Contohnya, lalu ter<u>p</u>ancar<u>p</u>ada ar<u>ca</u> wajah iii. Repetisi kata Contohnya, dan/dalam/tanpa iv. Personifikasi Contohnya, teranyam kelongsong kesabaran v. Metafora Contohnya, kelongsong kesabaran vi. Inversi Contohnya, Sepi diri tanpa bonda
11.(c)	Kriteria Cipta Sajak i. Tema ✓ Menepati tema sajak iaitu kekeluargaan. ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Tidak menyalin semula baris atau ayat daripada petikan yang diberi.

Soalan	Cadangan Jawapan
	ii. Bentuk ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Buat dalam 3 rangkap sekurang-kurangnya ✓ Mempunyai 12 hingga 15 baris iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Ada tajuk sajak ✓ Ada nama penulis ✓ Tiada unsur plagiat/meniru daripada mana-mana sumber. ✓ Asli
12.(a)	Dua Ciri Sastera Epik i. Kewujudan tokoh wira yang menjadi kebanggaan bangsa. Huraian: Wira dalam prosa ini ialah Hang Tuah yang merupakan tokoh pahlawan melayu yang agung dalam sejarah melayu Melaka. ii. Menonjolkan sifat kegagahan / keberanian / kepahlawanan wira. Huraian: Hang Tuah memiliki sifat kepahlawanan iaitu pintar, gagah dan tangkas dalam menghadapi musuh iaitu telah mengalahkan 7 orang pendekar Jepun semasa di Siam / Laksamana Hang Tuah memiliki sifat kepahlawanan, kegagahan dan keberanian yang sangat unggul. Beliau telah berjaya mengalahkan pendekar Jepun iaitu Cin Cu dan tujuh lagi pendekar dari Jepun serta Kemboja. iii. Terdapat unsur-unsur kesaktian tokoh wira Huraian: Semasa berperang dengan angkatan laut Jepun, Laksamana menggunakan ilmu kebatinannya sehingga menimbulkan kehairanan pada angkatan laut Jepun / ketika diserang oleh orang Jepun, Hang Tuah membaca pustakanya (ilmunya) sehingga menyebabkan bedil orang Jepun tidak berfungsi. iv. Latar tempat yang sangat luas. Huraian: Hang Tuah telah diutuskan oleh Raja Melaka ke Siam untuk membeli enam ekor gajah.

Soalan	Cadangan Jawapan
12.(b)	Tiga Ciri Kepimpinan Hang Tuah i. Sentiasa bersedia berbakti kepada nusa dan bangsa demi keamanan negerinya. Huraian: Hang Tuah sentiasa bersedia menerima perintah Sultan Melaka tanpa banyak soal untuk membeli gajah di Benua Siam. ii. Diplomat yang cekap berurusan dengan pemerintah negara lain seperti Siam. Huraian: Hang Tuah melaksanakan strategi mewujudkan hubungan sosial yang baik ketika beliau berada di Benua Siam. Beliau berjaya memikat hati Phra Cau dengan kefasihannya bertutur dalam bahasa Siam dan menunjukkan budi bahasai yang tinggi. Beliau menggunakan gelaran tanda hormat kepada pemerintah kerajaan. iii. Berjaya memperkukuhkan hubungan antara kerajaan Melaka dengan negara lain. Huraian: Hang Tuah menyampaikan maksud utusan Raja Melaka untuk membeli gajah dengan cara yang bijaksana tanpa mencetuskan perselisihan faham menyebabkan Phra Cau gembira serta bersetuju menjualkan gajah yang di inginkan. Hal ini telah membantu mengeratkan hubungan antara 2 buah negara ini. iv. Cekap berfikir dan mempuyai akal yang tajam dalam menghadapi masalah. Huraian: Semasa Hang Tuah diperintahkan untuk menyembah Raja Siam beliau enggan menyembah Raja Siam meningkat adat resam Siam. Hang Tuah memberikan alasan bahawa beliau tidak dapat merangkak untuk menyembah Raja Siam kerana mempunyai penyakit dan tidak boleh merangkak. Akhirnya Phra Cau membenarkan beliau menghadap cara budaya Melayu Melaka.
12.(c)	Pengkaryaan Syair i. Tema ✓ Menepati tema syair iaitu Ketaatan terhadap Raja. ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Tidak menyalin semula baris atau ayat daripada petikan syair yang diberi. ii. Bentuk ✓ Menepati ciri-ciri syair ✓ Mesti ada 2 rangkap ✓ Kesemua baris adalah maksud ✓ Mempunyai sekurang-kurangnya 3 hingga 5 patah perkataan sebaris.

Soalan	Cadangan Jawapan
	✓ Mempunyai sekurang-kurangnya 8 hingga 12 suku kata sebaris ✓ Mempunyai rima akhir aaaa serangkap iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Ada tajuk syair (elakkan menulis tajuk syair menggunakan tema yang diberi). ✓ Tiada unsur plagiat/meniru daripada mana-mana sumber. ✓ Asli
13.(a)	Satu Persoalan Berserta Contoh i. Persoalan tentang rintihan terumbu karang yang mahukan pembelaan. Huraian: Pengarang menyelami perasaan terumbu karang yang terancam kehidupannya. Terumbu karang seolah seperti manusia yang meluahkan kebimbangan terhadap ancaman manusia. Mereka sedih dan merintih kerana berpisah dengan kekasih, rakan koloni yang dicuri, yang mati akibat perbuatan manusia. ii. Persoalan tentang ancaman kepupusan terumbu karang di lautan/pencemaran laut. Huraian: Koloni terumbu karang telah mengalami pelbagai ancaman akibat perbuatan manusia. Antaranya dicemari oleh sisa toksik kilang, sisa kumbahan manusia, tumpahan minyak dan diambil oleh manusia untuk dijual. iii. Persoalan tentang kenaikan suhu laut. Huraian: Apabila suhu laut naik dan menjadi panas, keadaan ini tidak dapat membantu pertumbuhan terumbu karang yang sihat di dasar laut. Terumbu karang akan menjadi pucat dan menyebabkan silia-silai terumbu karang terurai. iv. Persoalan tentang kerakusan manusia mengaut untung daripada dasar laut. Huraian: Terumbu karang dicuri oleh manusia dari dasar laut untuk dijual kepada orang kaya. Ada juga manusia menggunakan teknologi untuk mengebom ikan bagi mendapat keuntungan yang banyak untuk menangkap ikan.

Soalan	Cadangan Jawapan
	v. Persoalan tentang ekosistem laut yang bermanfaat untuk kehidupan sejagat. Huraian: Terumbu karang bukan sahaja merupakan habitat kepada hidupan akuatik di laut tetapi turut menjadi tumpuan manusia yang melihat keindahan terumbu karang di dasar laut. Masyarakat di pulau-pulau kecil nusantara pula dikatakan menjadi kawasan terumbu karang tempat untuk mereka mencari rezeki. vi. Persoalan tentang perjuangan/survival untuk kelangsungan hidup. Huraian: Walaupun telah mengalami ancaman daripada perbuatan manusia, koloni terumbu karang tetap membiak sejak berjuta-juta tahun dahulu di dasar lautan. vii. Persoalan tentang janji yang belum ditunaikan. Huraian: Terumbu karang membicarakan tentang hasrat Lin, seorang manusia yang pernah ingin mengemukakan isu ancaman kemusnahan terumbu karang di dasar laut oleh manusia ke seminar antarabangsa. Namun, terumbu karang belum lagi mendapat berita pembelaan tersebut daripada Lin. viii. Persoalan tentang kesetiaan dalam persahabatan. Huraian: Batu karang tidak melupakan Lin kerana mereka setia dalam persahabatan. ix. Persoalan tentang keistimewaan batu karang. Huraian: Batu karang dikatakan mempunyai keistimewaan kerana ubat AZT untuk pesakit HIV diambil daripada batu karang. x. Persoalan tentang sikap mencintai alam sekitar. Huraian: Nenek moyang menjaga alam sekitar sebaik mungkin.
13.(b)	Dua Teknik Plot Berserta Contoh Dalam Petikan i. Monolog dalaman Contoh: Lin, datanglah. ii. Imbas kembali Contoh: Sejuta arus dulu pernah kaudatang ke dunia kami dan kami menerimamu dengan baik. iii. Imbas muka Contoh: Jika kautunggu lagi, mungkin engkau tidak akan bersua dengan aku. Jika kaulengahkan kedatanganmu barangkali aku sudah menjadi batu-batan konkrit seperti yang berlaku ke atas saudara-maraku di Laut Caribbean.

Soalan	Cadangan Jawapan
	iv. Pemerian Contoh: Antara kami ada yang menari lembut gemalai, ada yang lembut lenggok beragam dalam kumpulan.
13.(c)	Empat Pengajaran Berserta Contoh i. Kita hendaklah mengekalkan kelestarian terumbu karang supaya tidak terancam. Huraian: Manusia merupakan punca menyebabkan pertumbuhan terumbu karang terjejas. Akibat perbuatan manusia yang rakus dan tamak, faktor seperti suhu air laut semakin panas, air laut tercemar dengan tumpahan minyak, sisa kumbahan manusia dan sisa kilang telah menyebabkan terumbu karang mengalami ancaman kepada mati. ii. Kita hendaklah mengutarakan isu ancaman terumbu karang agar warisan alam semula jadi terus terjaga. Huraian: Permasalahan berkaitan ancaman terumbu karang perlu dibawa ke pengetahuan global dan dibincangkan agar koloni terumbu karang terlindung. Manakala manusia yang merosakkannya mendapat hukuman setimpal. iii. Kita sepatutnya menguruskan sisa buangan secara berhemah agar tidak mencemarkan alam sekitar. Huraian: Manusia dikatakan melakukan perbuatan tidak bertanggungjawab dengan membuang sisa kilang dan sisa kumbahan manusia ke laut. Hal ini bukan sahaja menyebabkan lautan tercemar malahan menyebabkan pertumbuhan batu karang terancam. iv. Kita tidak sepatutnya melupakan jasa ekosistem semula jadi agar kehidupan sejagat seimbang. Huraian: Nenek moyang manusia dahulu amat menghargai kawasan terumbu karang yang menjadi tempat mereka mencari rezeki. Namun, generasi baharu pula sanggup memusnahkan kehidupan terumbu karang dengan mencuri dan menjual terumbu karang kepada orang kaya semata-mata untuk mengaut keuntungan. v. Kita tidak wajar melakukan perbuatan tidak beretika dalam mencari rezeki agar kehidupan ini kekal harmoni. Huraian: Manusia yang menangkap ikan dengan teknologi mengebom ikan untuk mendapatkan jumlah tangkapan ikan yang banyak tidak sepatutnya dilakukan. Keuntungan sementara tidak akan berlanjutan jika hidupan ikan semakin pupus. Perbuatan yang menyalahi undang-undang, jika tertangkap dan bersalah, pasti hukuman akan dijatuhkan.

Soalan	Cadangan Jawapan
	vi. Kita hendaklah sentiasa menunaikan janji demi kebaikan semua pihak. Huraian: Batu karang tidak pernah memungkir janji untuk menyediakan sumber makanan kepada orang-orang miskin di pulau-pulau nusantara. vii. Kita janganlah mencemarkan alam sekitar. Huraian: Caka membuang sisa ke laut. viii. Kita hendaklah menghargai keindahan alam sekitar. Huraian: Lin pernah ke dasar laut melihat keindahan karang-karang laut. ix. Kita janganlah tamak mengejar kekayaan sehingga memusnahkan alam sekitar. Huraian: Manusia mencuri karang laut untuk dijual kepada orang-orang kaya.
14.(a)	Dua Latar Masyarakat i. Masyarakat Melayu. Huraian: Sharifah, Abang Said, Mak Jah dan Pak Dol adalah berbangsa Melayu. ii. Masyarakat yang hipokrit. Huraian: Pada hari kematian barulah Sharifah faham bahawa orang ramai hanya menghormati Abang Said selagi dia mempunyai kuasa dan wang ringgit kerana hanya ahli masjid sahaja yang sudi menguruskan jenazah Abang Said hingga akhir. iii. Masyarakat beragama Islam. Huraian: Sharifah, Abang Said, Mak Jah , Pak Dol dan ahli masjid adalah beragama Islam. iv. Masyarakat yang miskin. Huraian: Surat layang yang dihantar kepada Sharifah meluahkan kekesalan penduduk di situ kepada Abang said yang tidak prihatin dengan kehidupan mereka/rakyat yang miskin. v. Masyarakat yang mengenang budi. Huraian: Pak Dol dan Mak Jah menangisi kematian Abang Said kerana abang Said pernah membiayai pembedahan Mak Limah semasa dia sakit jantung dahulu.

Soalan	Cadangan Jawapan
14.(b)	Dua Gaya Bahasa i. Simile Contoh: Apabila Nordin mula bercakap seperti sepucuk telegram, Sharifah sudah mengagak, Abang Said sebenarnya telah meninggal dunia. ii. Kata Ganda Contoh: Anak-anaknya iii. Sinkope Contoh: tak iv. Personifikasi Contoh: Perspektifnya memang telah beranjak. v. Hiperbola Contoh: Dia tidak menangis. Perasaannya lumpuh kerana terlalu terkejut.
14.(c)	Dua nilai terpuji yang ada pada watak Sharifah i. Nilai Kasih Sayang Contoh: Sharifah amat menyayangi suaminya . Dia sedaya upaya menjaga imej suaminya agar orang tidak memperkatakan suaminya dengan menjaga penampilan ketika berjumpa dengan orang ramai. ii. Nilai Keserderhanaan Contoh: Setelah menerima surat layang Sharifah mula sedar dan bertekad untuk mengubah cara hidupnya . Sharifah akan berpakaian seperti Mek Nab supaya masyarakat dapat dikaitkan dengannya. iii. Nilai Keredaan Contoh: Sharifah bertekad untuk berpakaian seperti Mek Nab. Jika Abang said meragam damn malu berjalan dengannya selepas itu, diakan berserah kepada takdir. iv. Nilai Ketaatan Contoh: Sharifah merupakan seorang isteri yang taat pada suaminya, Begitu juga sebagai seorang muslim sebelum ke hospital menjenguk jenazah suaminya Sharifah menunaikan solat subuh terlebih dahulu. v. Nilai Kesedaran/Keinsafan Contoh: Sebaik-baik menerima dan membaca kandungan surat layang, perspektif Sharifah mula beranjak. Sharifah berniat untuk

Soalan	Cadangan Jawapan
	menyedekahkan baju-baju nya yang baru siap dijahit kepada saudara-maranya di kampung.
15.(a)	Dua Isu Masyarakat Dalam Petikan i. Percaya terhadap ramalan. Huraian: Penduduk Ogonshoto percaya terhadap cerita lelaki tua yang mengatakan bahawa Ogonshoto bakal ditimpa bencana sekiranya penyu raksasa meninggalkan gua tempat tinggalnya di pulau karang./ Selepas berminggu-minggu kemudian barulah dia didatangi pengikut-pengikut yang percaya akan ceritanya. ii. Pertentangan pendapat antara golongan tua dengan golongan muda. Huraian: Anak kepada lelaki tua tidak sependapat dengan ayahnya dan tidak percaya bahawa Ogonshoto bakal ditimpa bencana kerana Ogonshoto terletak jauh dari sisi plat lingkaran gunung berapi Pasifik / Bapa salah. Ogonshoto jauh dari sisi plat lingkaran gunung berapi Pasifik. Gempa besar mungkin terjadi di Tokyo. Mungkin California. Entah-entah nun jauh di Nyiragongo!" iii. Amalan suka mengasingkan diri. Huraian: Terdapat golongan resi yang suka mengasingkan diri di Ogonshoto bagi tujuan untuk membersihkan jiwa / Lelaki pendiam di warung dahulu, datang bersama-sama dengan beberapa orang resi yang sering mengasingkan diri dalam hutan, kerana bertapa mencari kejernihan jiwa.
15.(b)	Tiga Keperibadian Unggul Nakhoda i. Berpandangan jauh dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa. Huraian: Nakhoda berpandangan jauh dengan memikirkan cara untuk menyelamatkan nyawa penduduk Ogonshoto daripada bencana besar yang akan menimpa Ogonshoto. ii. Kemuliaan hati membantu golongan yang lemah/berpenyakit. Huraian: Nakhoda telah membenarkan tiga orang yang berpenyakit untuk turut sama menaiki bahtera dan menempatkan mereka di bahagian buritan. iii. Bekerja keras melaksanakan pekerjaan. Buktinya, nakhoda bekerja keras untuk menyiapkan bahtera. Dia hanya tidur selama 4 jam setiap malam bagi memastikan bahtera dapat disiapkan secepat mungkin.

Soalan	Cadangan Jawapan
	iv. Kecekan hati menerima kritikan negatif daripada orang lain. Huraian: Nakhoda tidak mengambil hati dan bermusuhan dengan orang-orang kampung yang tidak mempercayai dan mengejeknya setelah mendengar cerita tentang kemunculan penyu raksasa yang membawa petanda bencana bakal menimpa Ogonshoto. v. Kesabaran yang tinggi demi mencapai matlamat. Huraian: Nakhoda sabar dengan karenah birokrasi yang terpaksa dihadapinya dalam usaha untuk mendapatkan kebenaran menebang pokok bagi tujuan membina bahtera. Selain itu, nakhoda juga sabar menghadapi tentangan daripada anak lelakinya yang tidak percaya tentang bencana yang akan menimpa Ogonshoto.
15.(c)	Kriteria Sambung Petikan Novel i. Isi ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Menepati tema ✓ Tidak menulis semula jalan cerita/peristiwa yang terdapat dalam cerpen asal. ✓ Memaparkan nilai murni dan pengajaran yang baik kepada pembaca. ii. Teknik ✓ Mestilah menulis jawapan dalam format cerpen. ✓ Panjang cerita hendaklah lebih daripada 80 patah perkataan. ✓ Sekurang-kurangnya menggunakan 2 teknik penceritaan. ✓ Ada perenggan (sekurang-kurangnya 4 perenggan) iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Tidak meniplak daripada mana-mana karya. ✓ Asli ✓ Jalan cerita yang menarik
16.(a)	Dua Persoalan i. Kegigihan mencari rezeki. Huraian: Mat Piah gigih dan tekun mencari rezeki sebagai penarik beca untuk meneruskan kehidupan di Bandar Georgetown.

Soalan	Cadangan Jawapan
	ii. Semangat cinta akan tanah air masyarakat Melayu. Huraian: Mat Piah marah dengan Mr. Blackway yang menceritakan tentang Francis Light yang menggunakan muslihat dan tipu helah kepada Sultan Muhammad Jiwa dan Sultan Abdullah untuk mendapatkan Pulau Pinang. iii. Perjanjian yang tidak ditepati. Huraian: Sultan Kedah telah bersetuju menandatangani perjanjian dengan pihak Inggeris kerana telah dijanjikan bantuan oleh Inggeris namun Inggeris menipu Sultan Kedah dan orang Melayu menyebabkan Pulau Pinang jatuh ke tangan British. iv. Persoalan hidup gelandangan. Huraian: Mat Piah merupakan bekas pesakit mental yang Berjaya dirawat dan dipulihkan namun hidup dan berkelana dengan becahya sahaja tanpa mendapat bantuan sesiapa.
16.(b)	Dua Unsur Patriotisme Yang Ada Dalam Drama i. Tegas dalam pendirian Huraian: Mat Piah marah dengan Mr. Blackway yang menceritakan tentang Francis Light menipu Sultan Abdullah dan Sultan Muhammad Jiwa untuk mendapatkan Pulau Pinang. ii. Sedar akan hak bangsa Huraian: Mat Piah insaf dan menyedari bahawa penjajah telah merampas banyak hak orang Melayu. iii. Menyajung tinggi / bangga terhadap tokoh bangsa Huraian: Blackway bangga apabila melihat nama Light pada tanda jalan dan mengakui itu ialah kawannya. iv. Hormat terhadap tokoh bangsa Huraian: Blackway menunduk tanda hormat pada Fort Cornwallis yang merupakan kota lama yang dibina oleh Inggeris.
16.(c)	Dua Perwatakan Yang Sepatutnya Ada Pada Blackway i. Blackway sepatutnya tidak bersubahat / bersekongkol melakukan penipuan. Huraian: Blackway sepatutnya tidak bersubahat dengan Francis Light menipu Sultan Abdullah dan Sultan Muhammad Jiwa untuk mendapatkan Pulau Pinang. ii. Blackway sepatutnya jujur / bercakap benar. Huraian: Blackway yang sudah berada di Tanah Melayu selama 300 tahun sepatutnya jujur kepada orang Melayu sejak dahulu lagi.

Soalan	Cadangan Jawapan
	iii. Blackway sepatutnya tidak mengambil hak orang lain. Huraian: Blackway sepatutnya tidak merampas hak, harga diri, tanah dan emas milik orang Melayu. iv. Blackway sepatutnya tidak mudah melatah. Huraian: Blackway sepatutnya tidak mudah melatah apabila dimarahi oleh Mat Piah. v. Blackway sepatutnya tidak melakukan kekejaman. Huraian: Blackway sepatutnya tidak melakukan kekejaman terhadap orang Melayu. vi. Blackway sepatutnya boleh mengawal perasaan marah/tenang. Huraian: Blackway sepatutnya tidak marah kepada Mat Piah apabila Mat Piah bergurau dan mentertawakan kawannya, Light. vii. Blackway sepatutnya menyokong bangsanya. Huraian: Blackway sepatutnya tidak berasa marah dan menghina Lord Cornwallis, Jeneral perang yang berlagak berani apabila kalah di tangan Jeneral George Washington. viii. Blackway sepatutnya tidak bangga diri / sombong. Huraian: Blackway sepatutnya tidak berasa bangga diri dan menghina Mat Piah yang cuma penarik beca dan membandingkan dengan dirinya yang berpangkat besar (James Rolland Blackway.

MODUL SEMARAK KASIH 2.0

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF

CADANGAN JAWAPAN

SET 2

**CADANGAN JAWAPAN
SET 2**

BAHAGIAN 1

Soalan	Cadangan Jawapan
1.	Gaya Bahasa i. Asonansi Contoh: Degup ingin <u>a</u>nak-<u>a</u>nak ba<u>n</u>gsa (pengulangan bunyi vokal 'a') ii. Aliterasi Contoh: Seperti kedaulatan<u>n</u> bukan<u>n</u> hanya seun<u>n</u>ta slogan (pengulangan bunyi konsonan 'n') iii. Kata ganda Contoh: denai-denai iv. Sinkope Contoh: tak v. Anafora Contoh: <u>Dengan</u> harga cinta tak tertawarkan <u>Dengan</u> anyam kasih tak tercelakan vi. Repitisi kata Contoh: yang / bukan / kita vii. Inversi Contoh: Telah berjanji kita atas nama bumi pusaka (Kita telah berjanji atas nama bumi pusaka) viii. Responsif Contoh: Telah berjanji <u>kita</u> atas nama bumi pusaka Sepakat rela <u>kita</u> julang menjunjungnya / Dengan harga cinta <u>tak</u> tertawarkan Dengan anyam kasih <u>tak</u> tercelakan
2.	Ciri Sastera Hikayat i. Watak-wataknya terdiri daripada manusia biasa, raja, dewa dan juga haiwan. Contoh: bonda naga/nenek naga/ budak itu (budak miskin)

	ii. Terdapat unsur luar biasa/ kesaktian Contoh: “Adapun yang diberi oleh ninda itu cincin kesaktiannya yang di dalam mulutnya itu, itulah yang diberinya.” iii. Latar tempat di alam nyata. Contoh; ... maka ia pun kembalilah pulang ke <u>Tasik Hijau</u> itu.
3.	Dua Perwatakan Blackway i. Seorang yang insaf / menyesal Contoh: Saya minta ampun, minta maaf kepada semua orang Melayu. Pada semua orang <i>Puloo Pinang</i>. ii. Seorang yang jujur Contoh: Memang kami penipu, penindas, penyamun. Saya sendiri malu dengan apa-apa yang pernah kami lakukan dulu. Memang kami bangsa kejam dan haloba iii. Seorang yang kejam dan haloba / tidak berperikemanusiaan Contoh: Memang kami bangsa kejam dan haloba / Memang kami penipu, penindas, penyamun.
4.	Nilai Murni i. Nilai ketekunan/kegigihan Contoh: Pak Yasoh sangat tekun/gigih meneruskan kerja memahat belulang patung wayang kulitnya setelah berehat seketika walaupun penat menebuk dan matanya berair. ii. Nilai cinta akan seni budaya Contoh: Pak Yasok mempertahankan seni wayang kulit dengan mempelajari petua-petua pendalangan melalui guru wayangnya, Dalang Tok Ali. iii. Nilai ketaatan Contoh: Pak Yasok percaya benar kepada petua-petua pendalangan yang dipelajari melalui guru wayangnya, Dalang Tok Ali.
5.	Teknik Penceritaan i. Teknik Pemerian Contoh: Dia menarik nafas lega dan menghembuskannya perlahan-lahan. ii. Teknik Imbas Kembali Contoh: Dia teringat hari terakhir di kamar itu, kira-kira empat bulan lalu sebelum berangkat ke Jepun.

	iii. Teknik Monolog Dalam Contoh: Sekarang, fikirnya, bagaimanakah kalau aku memulakan eksperimen? iv. Teknik Saspens Contoh: Tiba-tiba data waktu pada bahagian belakang kameranya berkelip-kelip, minta entri tepat antara pukul 00:01 hingga 24:00 / Pembaca tertanya-tanya keadaan tersebut berlaku.
6.	Satu Sudut Pandangan Sudut Pandangan Orang Pertama Contoh: i. Sewaktu kecil <u>aku</u> tinggal sekampung dengan keluarga Pak Mid dan Tuk Nyan. ii. <u>Aku</u> masih ingat lagi ... iii. ... kerana dewasa itu <u>aku</u> sudah bersekolah dalam darjah enam. iv. Yang <u>aku</u> tengok semacam hendak gila ialah Tuk Nyan v. Sebab waktu <u>aku</u> kecil, dia pun sudah berumur orangnya.
7.	Maksud Gurindam i. Kaum wanita mesti menjaga / memelihara maruah/kehormatan dirinya. ii. Jika seseorang tidak berharta saudara-mara akan menjauhkan diri / Sekiranya kita miskin, ahli keluarga pun akan menjauhi kita.
8.	Pandangan Terhadap Perwatakan Mak Munah i. Seorang ibu yang bertanggungjawab Contoh: Mak Munah bekerja keras untuk menyara pengajian anaknya di London selama 5 tahun / Selama lima tahun aku di tanah Inggeris, dialah yang menyara belanja universitiku ii. Seorang ibu yang sanggup berkorban demi anaknya Contoh: Beliau telah menggadaikan tanahnya di kampung bagi memastikan anaknya dapat menghabiskan pelarannya di Universiti Cambridge / Dia berjuang sehabis tenaganya, berkorban apa yang ada padanya, hingga tanah-tanah kami tergadai dan ... iii. Seorang ibu yang menderita Contoh: Anna! Kaulihat sajalah keadaan ibuku. Dia menderita, Anna / ... dan matanya hampir-hampir buta

	iv. Seorang ibu yang gigih berusaha Contoh: Dia berjuang sehabis tenaganya
9.	Citra Masyarakat i. Gambaran masyarakat yang cintakan alam sekitar Contoh: Seminggu kemudian, kumpulan pencinta alam yang berpejabat di Kuri secara rasmi membantah projek itu. ii. Gambaran masyarakat yang rasional dalam tindakan Contoh: Mereka menyertakan kajian ilmiah setebal tujuh puluh lima halaman, memberi penekanan kepada bencana besar yang akan dihadapi oleh Futu-Ata andainya projek itu diteruskan.
10.	Sanjungan Pada Watak Sang Nata i. Ayah yang berfikiran positif Contoh: Adapun Ken Tambohan itu, sungguhpun orang tawanan, tetapi anak raja juga / Sang Nata positif menerima Ken Tambohan sebagai menantu kerana Ken Tambohan juga merupakan anak raja/ Lagi pun parasnya gilang-gemilang dan patut sungguh menjadi isteri anakanda Menteri / Sang Nata menerima Ken Tambohan sebagai isteri anaknya yang pada pandangannya sepadan dengan Raden Menteri. ii. Percaya kepada ketentuan Tuhan / takdir Contoh: Sudahlah dengan kuasa Dewata Mulia Raya anakanda kita berkahwin dengan Ken Tambohan itu / Sang Nata percaya perkahwinan antara Raden Menteri dan Ken Tambohan adalah perancangan Tuhan. iii. Berpandangan jauh Contoh: Sang Nata memikirkan perasaan dan tindakan Raden Menteri sekiranya mereka membantah hubungannya dengan Ken Tambohan / Janganlah adinda terlalu sangat murka kepada Raden Menteri itu. Nanti hiba hatinya dan lari ia kelak. iv. Penyayang terhadap anaknya Contoh: Janganlah adinda terlalu sangat murka kepada Raden Menteri itu / Sang Nata meminta supaya Permaisuri tidak memarahi Raden Menteri kerana berkahwin dengan Ken Tambohan

BAHAGIAN B

Soalan	Cadangan Jawapan
11.(a)	Dua Latar Tempat i. Balai Raya Kampung Kuah Contoh: Encik Firdaus wakil rakyat Bersama-sama pegawai Jabatan Tanah dan Survei mengadakan majlis randau Bersama-sama penduduk kampung. ii. Bukit Emas Contoh: Penghulu Sudin cuba untuk membangunkan kawasan Bukit Emas dengan menjadikannya sebagai tempat kuari tetapi ditentang oleh penduduk kampung. Di kaki bukit ini terletaknya Kampung Kuah dan Sungai Kuah. iii. Kampung Kuah Contoh: Balai Raya yang selalu menjadi tempat majlis randau diadakan terletak di kampung ini. Sahat, Penghulu Sudin, Mak Bedah, Pak Jaya, Kasim, Tahot, Ayub, Mak Senah, Jamilah, Imam Haji Ali, Bilal Haji Amid, Karim, Abol dan Wahid tinggal di Kampung Kuah. iv. Di rumah Penghulu Sudin Contoh: penduduk Kampung Kuah berkunjung untuk menziarahi Penghulu Sudin di rumahnya apabila mengetahui Penghulu Sudin diserang sakit jantung. v. Sri Aman Contoh: Mak Bedah mengikut anaknya.
11.(b)	Dua Keperibadian Unggul Watak Sahat i. Tegas dalam mempertahankan kelestarian alam Contoh: Sahat muncul dalam majlis randau yang diadakan di Balai Raya Kampung Kuah menyatakan cadangannya supaya Bukit Emas dikekalkan untuk menarik minat pelancong ke Kampung Kuah. Sahat berusaha mengekalkan keindahan Bukit Emas daripada menjadi kawasan perlombongan kuari. ii. Berani menentang penyalahgunaan kuasa pemimpin Contoh: Sahat tiba-tiba muncul di balai raya Kampung Kuah memberitahu kepada Encik Firdaus bahawa penduduk kampung tidak pernah memberi persetujuan tentang Bukit Emas kepada mana-mana pihak. Sahat juga menjelaskan kepada Encik Firdaus bahawa Penghulu Sudin tidak pernah berbincang dengan penduduk kampung berkaitan dengan Bukit Emas yang akan diruntuhkan.

	iii. Sifat pemaaf Contoh: Sahat tidak berdendam dengan Tahot, Ayub dan Kassim yang memusuhinya dan menakut-nakutkan penduduk kampung atas rahan Penghulu Sudin. Dia bersyukur kerana mereka bertiga telah insaf akan kesalahan yang pernah dilakukan selama ini.
11.(c)	Dua isu masyarakat Isu pemusnahan hutan. Contoh: Penduduk kampung Kuah sangat menyayangi alam sekitar dan Bukit Emas yang menjadi tempat sumber rezeki mereka. Pembinaan kuari akan pasti merosakkan keaslian dan keunikan Bukit Emas dan akan mengakibatkan penduduk terdedah kepada penyakit akibat daripada debu kawasan kuari. Isu pendidikan masih rendah dalam kalangan masyarakat. Contoh: rata-rata penduduk Kampung Kuah tidak mendapat pendidikan yang tinggi kecuali Sahat yang berkelulusan sarjana dalam bidang pertanian, lulusan Universiti Putra Malaysia. Isu peluasan pemasaran produk. Contoh: Encik Firdaus bersetuju dengan cadangan Sahat untuk mengekalkan Bukit Emas agar terus memberikan rezeki yang melimpah kepada semua Penduduk Kampung Kuah. Sahat mencadangkan kepada Tahot supaya mereka bersama-sama memastikan buah durian dari Bukit Emas akan dijual di seluruh dunia, termasuk pasaran Eropah.
12.(a)	Bentuk Pantun i. Mempunyai rangkap / berangkap Contoh: mempunyai enam rangkap ii. Mempunyai bilangan/ jumlah baris yang sama serangkap Contoh: empat baris setiap rangkap iii. Mempunyai bilangan / jumlah perkataan yang tidak sama sebaris Contoh: 3 hingga 5 patah perkataan sebaris iv. Mempunyai bilangan / jumlah suku kata yang tidak sama sebaris Contoh: 9 hingga 11 suku kata sebaris v. Mempunyai rima akhir berselang Contoh: abab vi. Berbentuk terikat Contoh: rima akhir abab / empat baris serangkap

	vii. Mempunyai hentian / jeda Contoh: Burung kekek / burung di hutan viii. Mempunyai pembayang / sampiran Contoh: Burung kekek burung di hutan, Terbang naik berlegar-legar; (Baris pertama dan baris kedua) ix. Mempunyai maksud Contoh: Mari encik marilah tuan, Barang baik baru keluar. (Baris ketiga dan baris keempat)
12.(b)	Nilai Murni i. Nilai kegigihan Contoh: penjual gigih berusaha untuk mendapatkan keuntungan dalam urusan jual beli / Mari encik marilah tuan, Barang baik baru keluar ii. Nilai kesopanan Contoh: Sikap kesopanan dan budi bahasa penjual dan pembeli terserlah apabila mereka tawar menawar dengan baik dan menggunakan bahasa yang elok / Minta maaf belum berhajat, Datang menengok, bukan membeli. iii. Nilai berjimat-cermat Contoh: Pembeli adalah seorang yang berjimat cermat dalam berbelanja dan membeli / Kedekut sungguh tuan nak makan, Makanan baik tidak terbeli.
12.(c)	Kriteria Cipta Pantun Empat Kerat i. Tema ✓ Menepati tema pantun iaitu alam sekitar. ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Tidak menyalin semula baris atau ayat daripada petikan pantun yang diberi. ii. Bentuk ✓ Menepati ciri-ciri pantun empat kerat ✓ Mesti ada 2 rangkap ✓ Baris 1 dan 2 adalah pembayang ✓ Baris 3 dan 4 adalah maksud. ✓ Mempunyai sekurang-kurangnya 3 hingga 5 patah perkataan sebaris.

	✓ Mempunyai sekurang-kurangnya 8 hingga 12 suku kata sebaris ✓ Mempunyai rima akhir aaaa serangkap iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Ada tajuk pantun (elakkan menulis tajuk pantun menggunakan tema yang diberi). ✓ Tiada unsur plagiat/meniru daripada mana-mana sumber. ✓ Asli
13.(a)	Persoalan Persoalan kepentingan masyarakat mengatasi kepentingan individu. Contoh: Masyarakat Ogonshoto menganggap masyarakat yang harus kaya bukannya individu. Berlainan dengan Presiden yang membenarkan setiap individu berlumba-lumba mengumpul kekayaan.
13.(b)	Gaya Bahasa i Repitisi kata Contoh: Mereka, orang-orang <u>Presiden</u> itu, semakin mengerti akan falsafah serta pemikiran <u>Presiden</u> yang terdidik di sebuah <u>negara</u> demokrasi sekali gus <u>negara</u> kapitalis Eropah tentang erti kemajuan dan kekayaan menurut rangka kapitalisme. ii. Kata ganda. Contoh: Mereka, <u>orang-orang</u> Presiden semakin mengerti akan falsafah serta pemikiran Presiden.../ Dibenarkan, oleh Presiden dan ajaran kapitalisme itu sendiri, setiap individu <u>berlumba-lumba</u> mengumpul kekayaan./ Alangkah dangkalnya fikiran rakyat, yang <u>seolah-olah</u> mahu membina masyarakat kaya melalui budaya dan gerak komunal./ Lihat sahaja kegiatan rakyat yang suka <u>berkumpul-kumpul</u> mengisi masa lapang... iii. Inversi. Contoh: <i>Dibenarkan, oleh Presiden dan ajaran kapitalisme itu sendiri, setiap individu berlumba-lumba mengumpul kekayaan.</i> [Presiden membenarkan setiap individu untuk berlumba-lumba mengumpul kekayaan]

13.(c)	Kriteria Cipta Sajak i. Tema ✓ Menepati tema sajak iaitu semangat bekerjasama. ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Tidak menyalin semula baris atau ayat daripada petikan yang diberi. ii. Bentuk ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Buat dalam 3 rangkap sekurang-kurangnya ✓ Mempunyai 12 hingga 15 baris iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Ada tajuk sajak ✓ Ada nama penulis ✓ Tiada unsur plagiat/meniru daripada mana-mana sumber. ✓ Asli
14.(a)	Ciri Sastera Epik i. Watak wira memiliki sifat kepahlawanan/ keberanian/kegagahan Contoh: Laksamana/ Hang Tuah dapat mengalahkan pendekar Jepun Bernama Cin cu/ Berjaya menewaskan pendekar-pendekar Jepun yang marah apabila Laksamana/ Hang Tuah membunuh Cin cu/ mengalahkan orang-orang Jepun yang menyerang rombongan Laksamana yang dalam perjalanan balik ke Melaka. ii. Mempunyai watak yang ramai Contoh: masyarakat Melaka, masyarakat Siam dan masyarakat Jepun. iii. Latar tempat yang luas Contoh: Melaka, Patani, benua Siam, Bukit Seguntang iv. Terdapat unsur luar biasa/ magis Contoh: Laksamana/ Hang Tuah membaca pustakanya menyebabkan bedil/ Meriam orang-orang Jepun yang menyerang rombongan dari Melaka tidak berfungsi.

14.(b)	Dua Unsur Patriotisme Pada Watak Laksamana i. Laksamana taat dan patuh kepada raja. Contoh: apabila diarahkan ke benua Siam untuk membeli gajah, beliau tidak menolaknya. Beliau juga patuh apabila diperintah untuk merajakan Raden Bajau di Bukit Seguntang. ii. Laksamana berani menerima cabaran demi menjaga maruah diri dan Raja Melaka. Contoh: Laksamana berani menerima cabaran Phra Cau untuk bertarung dengan pendekar Jepun demi menjaga nama baik Melaka./ “Daulat tuanku, patik hamba ke bawah Duli Phra Cau:mana titah patik junjung. Tetapi si Tuah tiada mengilangkan nama tuannya.” iii. Laksamana mencari helah supaya tidak perlu menyembah raja Siam/ Phra Cau, Contoh: Laksamana enggan merangkak sambil menyembah Phra Cau. Oleh itu, Laksamana membuat helah mempunyai penyakit yang menyebabkan beliau tidak boleh merangkak. iv. Laksamana mempunyai semangat yang tinggi untuk menjaga keselamatan, keamanan dan nama baik raja dan Melaka. Contoh: Maka negeri Melaka pun karalah, kerana Laksamana dan Bendahara mememlihara akan negeri itu dengan sempurna.
14.(c)	Adaptasi Perwatakan Laksamana Kepada Sajak Kriteria Cipta Sajak i. Tema ✓ Menepati tema sajak iaitu perpaduan. ✓ Menepati kehendak soalan ii. Bentuk ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Buat dalam 3 rangkap sekurang-kurangnya ✓ Mempunyai 12 hingga 15 baris iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Ada tajuk sajak (elakkan menulis tajuk sajak menggunakan tema yang diberi). ✓ Ada nama penulis

	✓ Tiada unsur plagiat/meniru daripada mana-mana sumber. ✓ Asli
15.(a)	Tema cerpen ialah memaparkan perbezaan kehidupan masyarakat atasan dan masyarakat bawahan. Contohnya, Pemimpin yang tidak pernah menyelami kesusahan dan juga cara hidup golongan bawahan dan rakyat biasa seperti yang berlaku pada abang Said dan Sharifah yang dipilih oleh rakyat tetapi tidak pernah membela nasib mereka.
15.(b)	Dua Unsur Keagamaan: i. Berbudi mulia Contoh, Dia berniat untuk sedekahkan baju-baju yang baru siap itu kepada saudara-maranya di kampung. ii. Tawakal Contoh, Kalau Abang Said meragam, malu berjalan dengannya selepas ini, <u>dia akan berserah kepada takdir</u> iii. Waktu Solat Contoh, <u>Subuh</u> itu Sharifah dikejutkan oleh panggilan telefon daripada adik iparnya. iv. Bersikap sederhana Contoh, Dia akan berpakaian seperti Mek Nab supaya masyarakat dapat dikaitkan dengannya. v. Melakukan pengorbanan Contoh, Imej Abang Said harus dijaga agar jangan dikata orang lagi.
15.(c)	Dua Sikap Yang Perlu Diamalkan Oleh Abang Said Sebagai Pihak Atasan Supaya Disenangi Oleh Orang Bawahan i. Abang Said seharusnya memahami masalah golongan bawahan Contoh, Abang Said tidak memperdulikan nasib golongan bawahan yang telah menyokongnya sehingga menjadi seorang pemimpin / Abang Said tidak pernah turun padang untuk melihat kesusahan rakyatnya yang telah memilih beliau dahulu. ii. Abang Said tidak harus memandang remeh teguran golongan bawahan Contoh, Abang Said mengabaikan teguran melalui surat layang yang dihantar oleh Serai Wangi dan hanya menganggap ia perkara remeh.

	iii. Abang Said perlu meluangkan masa bersama masyarakat bawahan dengan kerap Contoh, Ketika kematian abang Said tidak ada seorang pun golongan bawahan yang menolong menguruskan jenazahnya dan urusan pengebumiannya. iv. Abang Said perlu menjadi pemimpin yang adil dan disukai oleh masyarakat bawahan Contoh, Rakyat memerlukan perhatian daripada pemimpin dan sebagai pemimpin abang Said seharusnya memberi perhatian kepada masyarakat bawahannya.
16.(a)	Pemikiran Drama Anna Pergolakan rumah tangga yang berlaku dalam kehidupan sepasang suami isteri yang berlainan negara, bangsa dan latar belakang keluarga yang berbeza. Contoh: Pergolakan (konflik) berlaku antara Zaki dengan isterinya iaitu Anna. Zaki, seorang pemuda Melayu manakala isterinya, Anna ialah peranakan Inggeris dan Melayu. Pergolakan berlaku kerana Anna berpendapat bahawa Zaki lebih menyayangi dan memberi tumpuan terhadap ibunya berbanding dirinya.
16.(b)	Dua Pengajaran i. Kita hendaklah sanggup melakukan pengorbanan dalam kehidupan. Huraian: Mak Munah sanggup berkorban menggadaikan tanahnya untuk menyara pengajian Zaki di luar negara. ii. Kita hendaklah sabar dalam menghadapi ujian hidup. Huraian: Zaki tabah menghadapi ujian ibunya yang sakit dan sikap Anna yang mementingkan diri. iii. Kita hendaklah prihatin dengan masalah yang dialami oleh orang lain. Huraian: Dr. Chan prihatin dengan masalah rumah tangga yang dialami oleh Zaki dan Anna dan cuba menawarkan nasihat. iv. Kita hendaklah mengenang jasa dan pengorbanan orang tua kita. Huraian: Zaki mengenang jasa dan pengorbanan emaknya yang membiayai pengajiannya di 68niversiti dan membalasnya dengan merawat masalah penglihatan yang dialami oleh emaknya.

	v. Kita hendaklah mempunyai semangat cinta akan tanah air kita. Huraian: Zaki sangat cinta akan sejarah tanah air dan menyambung pengajian di universiti dalam jurusan sejarah. vi. Kita hendaklah saling menyayangi sesama ahli keluarga. Huraian: Zaki amat menyayangi ibunya yang telah banyak berkorban dalam hidupnya. Oleh itu, Zaki memberi banyak tumpuan dan kasih sayang kepada ibunya. vii. Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap ahli keluarga. Huraian: Mak Munah bertanggungjawab membiayai pengajian Zaki sehingga ke universiti walaupun terpaksa menggadaikan tanah.
16.(c)	Kriteria Sambung Dialog Drama i. Isi ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Menepati tema ✓ Tidak menulis semula jalan cerita/peristiwa yang terdapat dalam drama asal. ✓ Memaparkan nilai murni dan pengajaran yang baik kepada pembaca. ii. Teknik ✓ Mestilah menulis jawapan dalam format skrip drama. ✓ Sambungan skrip drama wajib mempunyai dialog, aksi dan pelakon. ✓ Nama pelakon mestilah Huruf Besar. iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Tidak meniplak daripada mana-mana karya. ✓ Asli ✓ Jalan cerita yang menarik

MODUL SEMARAK KASIH 2.0

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (2216/1)

CADANGAN JAWAPAN SET 3

**CADANGAN JAWAPAN
SET 1**

BAHAGIAN 1

Soalan	Cadangan Jawapan
1.	Persoalan i. Persoalan keinsafan atas kesalahan diri. Contoh: Saya minta ampun, minta maaf kepada semua orang Melayu. Pada semua orang <i>Puloo Pinang</i>. Saya sendiri malu dengan apa-apa yang pernah kami lakukan dulu./ Blackway ingin meminta maaf kepada orang Melayu khususnya orang Pulau Pinang atas kesalahannya dan Francis Light yang telah menindas orang Melayu. ii. Persoalan keberanian berterus terang. Contoh: Memang kami penipu, penindas, penyamun. Memang kami bangsa kejam dan haloba./ Blackway berani mengaku kezaliman dan ketamakan bangsanya (bangsa Inggeris) yang telah menindas orang Melayu. iii. Persoalan ketegasan mempertahankan hak bangsa. Contoh: Engkau jangan curi amuk kami! Hanya orang Melayu saja yang boleh amuk. Engkau tak boleh amuk! Tak boleh! Belanda samun kami, Jepun samun kami. Bangsa kausamun kami. Harga diri kami, hak kami, tanah kami, emas kami, bijih kami, getah kami, perak kami, semuanya sudah dicantas ludes. Latah dan amuk kami pun engkau nak kebas!/ Mat Piah berasa marah apabila mengenangkan hak bangsa Melayu yang dirampas oleh penjajah. iv. Persoalan semangat cinta akan tanah air. Contoh: Belanda samun kami, Jepun samun kami. Bangsa kausamun kami. Harga diri kami, hak kami, tanah kami, emas kami, bijih kami, getah kami, perak kami, semuanya sudah dicantas ludes./ Mat Piah berasa marah apabila mengenangkan kerakusan penjajah mengeksploitasi kekayaan tanah Melayu.
2.	Gaya Bahasa i. Simile Contoh: Ada yang berkumpul di hutan-hutan, menjungkir-balik tubuh di dahan pohon, <u>macam</u> keluang

	ii. Kata ganda Contoh: hutan-hutan/satu-satunya iii. Repitisi kata Contoh: ada /yang/ resi
3.	Bentuk i. Berangkap/ mempunyai rangkap/ mempunyai 1 rangkap ii. Mempunyai lima baris serangkap iii. Bilangan/jumlah patah perkataan sebaris tidak sama/ mempunyai tiga hingga empat patah perkataan sebaris iv. Bilangan/ jumlah suku kata sebaris tidak sama/ mempunyai lima hingga sembilan suku kata sebaris v. Rima akhir aabcc/ tidak sama vi. Berbentuk bebas
4.	Teknik Plot i. Teknik pemerian Contoh: Sengketa Pulau Batu Putih masih ruwet. / Dua negara berebut untuk mendapatkan hak wilayah yang secara tidak langsung boleh melebarkan garis sempadan negara masing-masing. / Tiada apa-apa yang wujud di atas pulau itu melainkan sebuah rumah api dan ketulan batu-batu./ Ia bukan pulau peranginan. Tetapi kedudukannya memberi kepentingan kepada negara yang memilikinya. ii. Teknik imbas kembali Contoh: Aku masih teringat semasa kami berbual secara <i>online</i>. Rosa begitu bersemangat sekali mempertahankan negaranya. iii. Teknik dialog Contoh: “Pedra Branca milik Singapura!” tegasnya. / “Panggillah Pulau Batu Putih itu dengan nama apa sekalipun, ia tetap seketul batu yang timbul dari permukaan laut dan berada lebih dekat dengan Teluk Ramunia berbanding Singapura.” / “Hei, kalau kau jumpa duit sepuluh dolar jatuh disisi engkau, belum tentu itu duitmu, bukan?” pantas dia membidas / Perbualan antara watak ‘Aku’ dan Rosa.
5.	Sudut Pandangan Sudut Pandangan Orang Ketiga Contoh: i. <u>Lelaki tua</u> dari Kuri terus mengepalai demonstrasi menuju Tatamanu.

	ii. Dalam perjalanan <u>dia</u> memberitahu beberapa orang, tidak lama lagi <u>mereka</u> akan sampai di simpang tiga. iii. <u>Mereka</u> akan memilih simpang kiri menuju Tatamanu kerana jalannya lebih dekat berbanding jalan pantai. iv. Lebih cepatlah <u>mereka</u> tiba di istana Presiden. v. Panas matahari yang terus bangkit itu seperti mendorong <u>mereka</u> untuk bergerak dengan lebih pantas ke hadapan. vi. Jeritan <u>mereka</u> bergema ke langit Gora-Gora.
6.	Unsur Bunyi i. Asonansi Contoh: Lomp<u>a</u>t bert<u>a</u>ngkup keemp<u>a</u>t ka<u>a</u>ki, / (Pengulangan bunyi vokal a) ii. Aliterasi Contoh: bukan<u>n</u> panglima rupanya tuan<u>n</u>, / (Pengulangan bunyi konsonan n) iii. Rima akhir Contohnya: abab/ berselang
7.	Dua Ciri Sastera Hikayat i. Ada watak manusia dan haiwan Contoh: budak miskin/raja naga ii. Ada unsur kesaktian Contoh: Adapun akan gunanya cincin ini terlalulah amat kesaktiannya. Jikalau ada seribu orang sekalipun cucuku hendak beri makan dengan seketika itu juga keluarlah hidangannya itu dengan berbagai-bagai rupanya". /Cincin hikmat boleh mengeluarkan makanan yang banyak dalam sekelip mata.
8.	Pandangan Terhadap Masyarakat i. Masyarakat yang masih berpegang kepada kepercayaan karut Contoh: Jangan main dalam hutan itu, ada harimau." "Nanti kamu disembunyikan orang bunian baru tahu." ii. Masyarakat yang mengamalkan sikap berburuk sangka Contoh: Sehingga aku bersekolah menengah rendah, Pak Mid meneruskan usahanya menanam pokok-pokok hutan. Ada orang kata itu hobi Pak Mid. Tetapi kerap juga aku dengar orang lain menyebut Mid gila menanam pokok.

9.	Citra Masyarakat i. Masyarakat yang berbeza bangsa dan budaya Huraian: Rumahtangga Zaki dan Anna mengalami konflik kerana sikap Anna yang merupakan anak kacukan Barat gagal memahami budaya bangsa Melayu. Anna tidak dapat menerima cara hidup masyarakat Timur (Zaki) yang lebih mementingkan hubungan kekeluargaan dan mengamalkan budaya bekerjasama dan bergotong-royong. Ini kerana, budaya masyarakat Barat hidup berdasarkan kekuatan sendiri dan tidak mengharapkan bantuan orang lain. ii. Masyarakat yang berbeza prinsip hidup Huraian: Masyarakat Timur lebih mementingkan hubungan kekeluargaan, mengamalkan budaya bekerjasama dan bergotong-royong. Manakala, masyarakat Barat pula hidup berdasarkan kekuatan sendiri dan tidak mengharapkan bantuan orang lain.
10.	Keperibadian Unggul Sang Nata i. Memiliki angkatan tentera dan pahlawan yang ramai. Contohnya: baginda mempunyai beratus-ratus hulubalang dan lasykar. ii. Berjaya menakluki banyak negeri Contohnya: banyak negeri yang ditakluk ke bawah perintah baginda. iii. Mengambil berat terhadap kebajikan orang tawanan Contohnya: di sisi kolam itu ada dibina beberapa buah istana dan dalam istana-istana inilah Baginda Sang Nata menaruh segala puteri ratu-ratu yang takluk ke bawah perintah baginda.

BAHAGIAN B

Soalan	Cadangan Jawapan
11.(a)	Teknik Penulisan Drama i. Babak Contoh : Babak Tiga ii. Dialog Contoh : MAT PIAH : Dalam Fort Cornwallis ni ada patung Francis Light...err...kawan tuan tu. Dulu patung tu tempatnya di hadapan muzium. Sekarang ni dah pindah ke sini pula. Tak tahu sebabnya apa. BLACKWAY : Good heaven. Tempat ini dinamakan sempena nama Lord Cornwallis. / MAT PIAH : Tuan buat apa tu? BLACKWAY : Take a bow / Perbualan antara Mat Piah dan Blackway iii. Aksi Contoh: (BLACKWAY tidak berkata apa-apa. Masih mendongak memandang ke arah Fort Cornwallis dalam simbahana cahaya yang malap) / (Bercerita macam pemandu pelancong) / (Berkata kepada dirinya sendiri. Wajahnya menjadi melankolik. Dia membongkokkan dirinya sedikit sebagai tanda hormat kepada Fort Cornwallis. MAT PIAH hairan melihat aksi BLACKWAY) iv. Watak / pelakon Contoh: Mat Piah / Blackway
11.(b)	Latar Tempat i. Di hadapan pintu Hotel E & O Contoh: Mat Piah sedang menunggu penumpang di atas beca pada jam 2.32 pagi / Lelaki dan perempuan berjejeran keluar dari pintu besar hotel E & O sambil tertawa dan membuat bising selepas majlis makan malam yang bertemakan pelbagai jenis pakaian beragam. ii. Pekan Georgetown Contoh: Mat Piah sedang mengayuh beca di sekitar Georgetown jam tiga pagi dengan membawa penumpang bernama Blackway sambil memperlihatkan suasana malam/ Mat Piah berjumpa dengan Blackway di bandar Georgetown.

	iii. Padang Kota Lama / Di hadapan Fort Cornwallis Contoh: Mat Piah dan Blackway berada di tepi tembok Padang Kota Lama mengadap Fort Cornwallis sambil berbual-bual / Blackway membongkokkan dirinya sedikit di hadapan Fort Cornwallis sebagai tanda hormat
11.(c)	Sambung Petikan Dialog Menjadi Skrip Drama i. Isi ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Menepati tema ✓ Tidak menulis semula jalan cerita/peristiwa yang terdapat dalam drama asal. ✓ Memaparkan nilai murni dan pengajaran yang baik kepada pembaca. ii. Teknik ✓ Mestilah menulis jawapan dalam format skrip drama. ✓ Sambungan skrip drama wajib mempunyai dialog, aksi dan pelakon. ✓ Nama pelakon mestilah Huruf Besar. iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Tidak meniplak daripada mana-mana karya. ✓ Asli ✓ Jalan cerita yang menarik
12.(a)	Pengajaran i. Kita janganlah angkuh akan kehebatan diri kerana perbuatan tersebut bakal menyusahkan kita. Huraian: Pendekar Jepun begitu angkuh dan sombong ketika berhadapan dengan Laksamana. Akhirnya, mereka ditewaskan oleh Laksamana. ii. Kita hendaklah berani berhadapan dengan musuh agar dapat menewaskan musuh. Huraian: Laksamana berani menentang tujuh orang pendekar Jepun dan mampu menewaskan mereka.

	iii. Kita hendaklah amanah ketika melaksanakan tugas yang diberi agar sesuatu tugas dapat diselesaikan dengan sempurna. Huraian: Laksamana berjaya menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Raja Melaka iaitu membeli gajah di Siam. Phra Cau telah memberi enam ekor gajah kepada Raja Melaka dan empat ekor gajah kepada Laksamana. iv. Kita hendaklah mengamalkan perhubungan sosial yang baik agar dapat mengelakkan perselisihan faham. Huraian: Laksamana menggunakan strategi mewujudkan hubungan sosial yang baik ketika beliau berada di Siam. Beliau berjaya memikat hati Phra Cau dengan budi pekertinya yang baik.
12.(b)	Nilai Terpuji Pada Laksamana i. Nilai ketaatan Huraian: Laksamana sentiasa taat kepada Raja Melaka. Beliau sanggup diutus ke Benua Siam untuk membeli gajah tanpa sebarang bantahan. ii. Nilai hemah tinggi Huraian: Laksamana sentiasa menunjukkan budi bahasa dan tingkah laku yang baik semasa menghadap Raja Melaka, menghadap Phra Cau dan semasa berbicara dengan Oya Bagelang. iii. Nilai kebijaksanaan Huraian: Laksamana bijak menggunakan alasan kakinya sakit apabila beliau diminta untuk merangkak ketika menghadap Phra Cau. iv. Nilai keberanian Huraian: Laksamana berani menentang tujuh orang pendekar Jepun dan mampu menewaskan mereka.
12.(c)	Adaptasi petikan prosa kepada drama i. Isi ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Menepati tema ✓ Tidak menulis semula jalan cerita/peristiwa yang terdapat dalam drama asal. ✓ Memaparkan nilai murni dan pengajaran yang baik kepada pembaca.

	ii. Teknik ✓ Mestilah menulis jawapan dalam format skrip drama. ✓ Skrip drama wajib mempunyai dialog, aksi dan pelakon. ✓ Nama pelakon mestilah Huruf Besar. iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Tidak meniplak daripada mana-mana karya. ✓ Asli ✓ Jalan cerita yang menarik
13.(a)	Persoalan Kasih Sayang i. Persoalan kasih sayang anak terhadap bapa. Huraian: Averah sayang kepada ayahnya apabila sanggup menolak tawaran belajar di luar negara dan memilih universiti tempatan untuk menyambung pelajarannya dalam bidang perubatan kerana tidak mahu meninggalkan abah dalam kesepian dan kerinduan. ii. Persoalan kasih sayang anak terhadap ibu. Huraian: Averah sayang kepada ibunya apabila hidupnya terasa sepi dan merindui ibunya setelah ibunya meninggal dunia sejak tiga bulan yang lalu. iii. Persoalan kasih sayang suami terhadap isteri. Huraian: Abah sayang kepada isterinya apabila isterinya meninggal dunia, abah kehilangan teman hidup yang paling disayanginya. iv. Persoalan kasih sayang datuk kepada cucu. Huraian: Abah menyayangi cucunya apabila menelefon Along dan menyatakan kerinduannya kepada cucunya yang sudah lama tidak pulang. v. Persoalan kasih sayang ayah kepada anak-anak. Huraian: Abah sayang kepada anak-anaknya apabila menyatakan bahawa abah rindu untuk berkumpul dan makan bersama-sama dengan anaknya.

13.(b)	Empat Perwatakan Averah i. Seorang yang bertanggungjawab Huraian: Averah telah memohon untuk bertugas di universiti di tempat paling hampir dengan kampungnya supaya dekat dengan abah. ii. Seorang yang penyayang Huraian: Averah tidak sanggup berpisah jauh dari abahnya dan sanggup menyambung pelajaran di universiti tempatan demi kasih sayangnya kepada abah. iii. Seorang yang berpendidikan tinggi Huraian : Averah merupakan seorang doktor lepasan universiti tempatan. iv. Seorang berhati-hati memilih pasangan hidup. Huraian: Averah tegas dengan pendiriannya untuk menolak cinta Dr. Lokeman kerana baginya cinta bukan pada tawaran harta dan paras rupa sahaja tetapi pada hati dan keserasian dalam perhubungan. Kerana baginya tidak mungkin lelaki kaya akan sanggup meninggalkan kehidupan lamanya yang gah dan mewah. v. Averah seorang yang taat kepada agama Huraian: Averah taat kepada ajaran agama apabila mengejutkan abah untuk melakukan solat subuh Bersama-sama. vi. Seorang yang memahami permasalahan ahli keluarga Huraian: Averah memahami kehidupan abangnya yang lain tidak dapat pulang menjenguk abah kerana kesibukan kerja masing-masing.
13.(c)	Isu Masyarakat i. Kesibukan bekerja Huraian: Along dan Anggah kesal kerana tidak dapat menunaikan permintaan abah untuk mengumpulkan anak-anaknya kerana kesibukan mereka dengan kerja masing-masing. ii. Kepentingan hubungan kekeluargaan Huraian: Along dan Anggah yang sudah bertahun tidak bertegur sapa akhirnya berdamai juga demi kasih sayang mereka terhadap abah setelah lama tidak bertegur sapa.

	iii. Keprihatinan anak-anak terhadap ibu bapa Huraian: Averah memohon untuk bertugas di tempat paling dekat dengan kampungnya supaya mudah menjenguk ayahnya jika ada kelapangan.
14.(a)	Pengajaran i. Kita janganlah malas berusaha supaya tidak ditimpa kesusahan di kemudian hari. Contoh: Orang malas jatuh sengsara. ii. Kita hendaklah menunjukkan sikap yang rajin kerana sikap itu disukai ramai. Contoh: Orang rajin banyak saudara. iii. Kita hendaklah menepati janji agar tidak dipandang buruk/ Kita janganlah memungkir janji supaya tidak dipandang buruk. Contoh: Barang siapa mungkir janji, Namanya tentu menjadi keji. iv. Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak baik agar tidak menyusahkan saudara mara/ Kita janganlah melakukan perkara yang tidak baik yang boleh menyusahkan saudara mara. Contoh:Kalau diri kena angkara, Turutlah susah sanak saudara. v. Kita hendaklah berusaha untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang hina. Contoh:Segala maksiat ada di dunia, Ikhtiarkan diri menjauhi dia. vi. Kita hendaklah adil dalam menjatuhkan hukuman terhadap orang yang bersalah. Contoh:Hukuman bagi orang berdosa, Dengan tiada memandang bangsa. vii. Kita hendaklah bertanggungjawab menjaga maruah wanita sebagai insan yang mulia. Contoh:Orang perempuan manusia juga, Kehormatan dirinya wajib dijaga. viii. Kita janganlah memandang kekayaan dalam menjalin persaudaraan. Contoh:Kalau tiada emas di pinggang, Sanak saudara menjadi renggang.

	ix. Kita hendaklah menjaga kesihatan diri demi kehidupan yang bahagia. Contoh: Ada wang badan tak sihat, Tidak bernikmat apa dibuat. x. Kita hendaklah berfikiran rasional dalam setiap tindakan agar tidak menyusahkan diri/ Kita janganlah bertindak terburu-buru agar tidak menyusahkan diri di kemudian hari. Contoh: Jika diturut kehendak hati, Kelak boleh menjadi mati. xi. Kita hendaklah menjaga kelakuan dengan baik agar dipandang mulia. Contoh: Kunci hati ialah iman, Kepada kelakuan jadi pedoman.
14.(b)	Bentuk Gurindam i. Ada rangkap/ berangkap/ mempunyai rangkap Huraian: Terdiri daripada sepuluh rangkap ii. Jumlah/ bilangan baris serangkap sama Huraian: Setiap rangkap mempunyai dua baris iii. Jumlah/ bilangan patah perkataan sebaris tidak sama Huraian: empat hingga lima patah perkataan sebaris iv. Jumlah/ bilangan suku kata sebaris tidak sama Huraian: lapan hingga dua belas suku kata sebaris v. Rima akhir sama serangkap Huraian: aa Baris pertama adalah syarat Huraian: orang malas jatuh sengsara (salin mana-mana baris pertama setiap rangkap) vi. Baris kedua adalah jawab Huraian: orang rajin banyak saudara (salin mana-mana baris kedua setiap rangkap) vii. Puisi/ gurindam ini berbentuk terikat Huraian: Rima akhir sama/ jumlah/bilangan baris adalah sama
14.(c)	Kriteria Cipta Gurindam i. Tema ✓ Menepati tema gurindam iaitu nilai murni. ✓ Menepati kehendak soalan

	✓ Tidak menyalin semula baris atau ayat daripada petikan gurindam yang diberi. ii. Bentuk ✓ Menepati ciri-ciri gurindam ✓ Mesti ada 4 rangkap ✓ Baris 1 adalah syarat ✓ Baris 2 adalah jawab ✓ Mempunyai sekurang-kurangnya 3 hingga 5 patah perkataan sebaris. ✓ Mempunyai sekurang-kurangnya 8 hingga 12 suku kata sebaris ✓ Mempunyai rima akhir aa serangkap iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Ada tajuk gurindam(elakkan menulis tajuk syair menggunakan tema yang diberi). ✓ Tiada unsur plagiat/meniru daripada mana-mana sumber. ✓ Asli ✓
15.(a)	Latar Masyarakat i. Masyarakat atasan yang bersifat materialistik /mementingkan keuntungan semata-mata. Huraian: Orang-orang Presiden, setelah mendapat restunya, merancang untuk membangunkan pedalaman Tubua dari pertemuan tiga sungai di dataran Tubua sampailah ke kaki gunung berapi Gora-Gora. Untuk membina jalan, pinggang-pinggang bukit harus ditarah dan pokok-pokok hutan ditumbang. Jalan itu kelak akan membawa pelancong-pelancong terus ke kaki gunung berapi, tempat sebuah kompleks hiburan dan perjudian akan didirikan. ii. Masyarakat yang berani memprotes golongan atasan. Huraian: Penduduk di Tubua berkumpul dan memprotes rancangan orang-orang Presiden untuk membangunkan pedalaman Tubua yang akan merosakkan alam sekitar. Penduduk Tubua tidak mahu pokok ditebang dan bukit ditarah. Mereka membawa sepanduk dan menyiarkan suara-suara protes mereka di radio dan televisyen. iii. Masyarakat yang bijak mengatur strategi/bertindak. Huraian: Penduduk di pedalaman Tubua memprotes rancangan orang-orang Presiden dengan menubuhkan sebuah komiti bagi menentukan tahap serta kaedah-kaedah protes yang juga turut

	memberikan kesedaran kepada penduduk seperti di Rai-Rapa dan Futu-Ata. Mereka menggunakan pelbagai strategi protes seperti menggunakan sepanduk-sepanduk yang turut dipaparkan di perahu-perahu nelayan, disiarkan di radio, di televisyen republik dan disebarikan melalui akbar-akbhar di Ogonshoto.
15.(b)	Nilai Kegigihan i. Kegigihan seorang lelaki tua Huraian: Seorang lelaki tua yang berasal dari Runakita dan tinggal di Teluk Pinavana gigih berusaha mencari sumber air untuk mengatasi masalah kekurangan air pada musim kemarau. Dia berusaha seorang diri mengorek tanah selama lebih tiga bulan mengali, baharulah dia menjumpai mata air. Dia juga mengumpul kayu api, memagar kolam, membumbung dapur dan berulang alik mengangkut air laut. Dia berusaha menyuling air laut untuk dijadikan air tawar, akhirnya dia berjaya mengisi penuh 14 tong air untuk keperluannya. ii. Kegigihan pemuda Banaba Huraian: Pemuda Banaba gigih berlatih menggunakan termiang untuk meningkatkan kemahiran memanahnya. Hanya dalam masa beberapa bulan sahaja, dia akhirnya berjaya menjadi pemanah yang mahir./ Pemuda Banaba gigih berusaha mempelajari selok-belok pekerjaan di rumah Presiden hingga akhirnya dia disenangi dan mendapat pujian para pekerja istana./ Pemuda Banaba gigih berusaha dalam pelajarannya sehingga mendapat keputusan yang cemerlang untuk Banaba. Dia juga tergolong dalam sepuluh pelajar terbaik di Kiribati dan merupakan pelajar yang layak untuk mendapatkan penempatan kolej dan biasiswa pemerintah Australia. iii. Kegigihan Tuan Kawai sebagai seorang nelayan moden Huraian: Tuan Kawai gigih berusaha menjadi nelayan sejak berumur lima belas tahun. Dia akhirnya menjadi kaya-raya seawal umur tiga puluhan, dan menjadi nelayan moden yang cukup terkenal di perairan Jepun. iv. Kegigihan seorang pemuda (Bab kamera) Huraian: Seorang peserta program Penyelidik Muda Asia-Pasifik gigih berusaha mencipta sebuah kamera moden yang canggih. Kamernya itu boleh merakamkan peristiwa masa lampau dan turut boleh digunakan untuk membongkar perbuatan jenayah.

	v. Kegigihan seorang nakhoda Huraian: Seorang nakhoda dan para pengikutnya gigih menyiapkan sebuah bahtera. Siang malam mereka bekerja menyiapkan bahtera itu, hingga nakhoda itu hanya melelapkan mata kira-kira empat jam setiap malam. Akhirnya dia berjaya menyiapkan sebuah bahtera seperti yang diimpikannya.
15.(c)	Kriteria Sambung Petikan Novel Menjadi Sebuah Cerita Menarik i. Isi ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Menepati tema ✓ Tidak menulis semula jalan cerita/peristiwa yang terdapat dalam cerpen asal. ✓ Memaparkan nilai murni dan pengajaran yang baik kepada pembaca. ii. Teknik ✓ Mestilah menulis jawapan dalam format cerpen. ✓ Panjang cerita hendaklah lebih daripada 100 patah perkataan. ✓ Sekurang-kurangnya menggunakan 2 teknik penceritaan. ✓ Ada perenggan (sekurang-kurangnya 4 perenggan) iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. Kreativiti ✓ Tidak meniplak daripada mana-mana karya. ✓ Asli ✓ Jalan cerita yang menarik
16.(a)	Nada Sajak Romantis Contoh: begitu indah begitu memukau ada seribu burung menyanyi-nyanyi di ruang hati.
16.(b)	Gaya Bahasa i. Asonansi/pengulangan huruf/bunyi vokal Contoh: Tiba-tiba <u>da</u>lam ta<u>k</u> / Tiba-tiba dalam ta<u>k</u>(pengulangan vokal a)

	ii. Aliterasi/pengulangan huruf/bunyi konsonan Contoh: Tadi <u>a</u>ku disapa se<u>k</u>eping <u>k</u>artu <u>k</u>ecil / Tadi aku disapa sekeping kartu kecil (pengulangan konsonan k) iii. Sinkope Contoh: tak/ku/mu iv. Kata ganda Contoh: tiba-tiba/disangka-sangka/menyayi-nyanyi/bila-bila v. Inversi Contoh: ini pagi vi. Bahasa asing/indonesia Contoh: kartu vii. Simile Contoh: bukan lagi sebagai kekasih seperti kemarin Yang melepas rindu viii. Personifikasi Contoh: ada seribu burung menyanyi-nyayi di ruang hati.
16.(c)	Kriteria Cipta Sajak i. Tema ✓ Menepati tema sajak ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Tidak menyalin semula baris atau ayat daripada petikan sajak yang diberi. ii. Bentuk ✓ Menepati kehendak soalan ✓ Buat dalam 3 rangkap sekurang-kurangnya ✓ Mempunyai 12 hingga 15 baris iii. Bahasa ✓ Sekurang-kurangnya mengaplikasikan dua gaya bahasa dalam karya. ✓ Bahasa yang gramatis ✓ Elakkan kesalahan tatabahasa dan ejaan. iv. Kreativiti ✓ Ada tajuk sajak (elakkan menulis tajuk sajak menggunakan tema yang diberi).

DIHASILKAN OLEH:

	CYRIL BIN HUBERT	SMK TEBEDU
	MASTURA BINTI SAIT	SMK MATANG HILIR
	MA CHEE LEONG	JEMAAH NAZIR NEGERI SARAWAK
	UMPANG ANAK SEE	SMK KAI CHUNG
	AHMAD SARBAWI BIN BAIDAWI	SMK MATU
	NORIAKAMA BINTI RAKIMU	SEKOLAH SENI MALAYSIA KUCHING
	HAIZAN BINTI BUSRI	SMK SEMERAH PADI
	JENAH BINTI SAM	SMK PETRA JAYA
	ROSNISHAWATI BINTI SAPIEE	SMK TUN ABANG HAJI OPENG
	ZUNAINAH BINTI REDZUAN	SMK DEMAK BARU
	JENNIFER ANAK JEMAT	SMK PAKU BAU
	ROMENA TASI ANAK MERUM	SMK LAKE BAU
	EVYLIN ANAK JIGU	SMK BAU
	DIMAH ANAK NANTA	SMK DATUK PATINGGI KEDIT
	NORIZAN BINTI MATSEN	SMK MATANG JAYA
	CHOONG LING LING	SMK RIAM
	NUR HABIBAH WASLI	SMK BAKO

PENYELARAS:

	SAIRI BIN ADENAN	JPN SARAWAK
	SARIAH BINTI HAJI MOS	JPN SARAWAK
	RAKIN ANAK SEBASTIAN RUMPANG	JPN SARAWAK

SAMPEL JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

MATA PELAJARAN

: KESUSASTERAAAN MELAYU

KOD KERTAS

: 2216/1

PEPERIKSAAN/UJIAN :

: MODUL SEMARAK KASIH 2.0 [SET 1]

No Soalan	Tajuk Genre	Huraian Konstruk yang ditaksir	KONSTRUK							Aras Kesukaran (Markah)			KBAT
			K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7				
BAHAGIAN A (STRUKTUR)										R	S	T	
1	Cerpen: Res Judicata	4 perwatakan watak peguam			/					4			
2	Novel: Naratif Ogonshoto	1 teknik plot berserta contoh dalam petikan					/			4			
3	Drama: Mat Piah & Mr. Blcakway	2 teknik penulisan drama berserta contoh					/			4			
4	Sajak Suara Pedih daripada Anak Penghuni Sungai	1 nada berserta 1 contoh				/				4			
5	Sastera Panji	1 persoalan berserta contoh					/					4	
6	Gurindam Beberapa Petua Hidup	2 pengajaran		/						4			
7	Cerpen: Gulai Sembilang Untuk Abah	1 keperibadian unggul berserta contoh						/			4		/
8	Puisi: Syair Seratus Siti	1 kritikan terhadap watak raja Malabari				/					4		/
9	Drama: Anna	2 nilai murni yang menjadi sanjungan dalam			/						4		/
10	Novel: Naratif Ogonshoto	2 unsur kepimpinan dalam petikan (Bab 9)						/				4	/
JUMLAH MARKAH			0	4	8	8	12	8	0	20	12	8	4
PERATUS MARKAH			0	10	20	20	30	20	0	50	30	20	40

No Soalan	Tajuk Genre	Huraian Konstruk yang ditaksir	KONSTRUK							Aras Kesukaran (Markah)			KBAT	
			K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	R	S	T		
BAHAGIAN B (ESEI)										R	S	T		
11.a)	Sajak: Sepi Syawal Tanpa B	a)	Tema berserta huraian/contoh		/						4			
11.b)		b)	4 gaya bahasa berserta contoh				/				8			
11.c)		c)	Cipta sajak bertema kekeluargaan (12-15 baris)							/			8	/
12.a)	Sastera Epik: Hang Tuah diutus ke Siam	a)	2 ciri sastera epik berserta contoh			/					6			
12.b)		b)	3 ciri kepimpinan dalam sastera epik berserta huraian					/				6		
12.c)		c)	Adaptasi petikan prosa tradisional kepada syair (2 rangkap)							/			8	/
13.a)	Cerpen: Kami akan Mati, Lin	a)	1 persoalan berserta huraian					/			4			
13.b)		b)	2 teknik plot berserta contoh (petikan)					/			8			
13.c)		c)	4 pengajaran dalam cerpen berserta contoh					/				8		
14.a)	Cerpen: Perspektif	a)	2 latar masyarakat berserta huraian					/				8		
14.b)		b)	2 gaya bahasa berserta contoh dalam petikan			/					4			
14.c)		c)	2 perwatakan positif watak Sharifah berserta huraian					/			8			/
15.a)	Novel: Naratif Ogonshoto	a)	2 isu masyarakat berdasarkan petikan (Bab 5 Mainan)					/				6		
15.b)		b)	3 keperibadian unggul dalam watak Nakhoda					/				6		
15.c)		c)	sambung petikan novel yang bertemakan ketaatan (80-100 pp)							/			8	/
16.a)	Drama: Mat Piah dan Mr Blackway	a)	2 nilai murni berserta huraian					/			6			
16.b)		b)	2 unsur patriotisme berserta huraian						/			8		
16.c)		c)	2 saranan watak Mr Blackway berserta huraian						/				6	
JUMLAH MARKAH			0	0	0	0	0	0	0	0	48	42	30	0
PERATUS MARKAH			0	0	0	0	0	0	0	0	40	35	25	0

ANALISIS

Konstruk	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	JUMLAH
Markah	0	4	8	8	12	8	0	40
	0	0	0	0	0	0	0	0

Aras Kesukaran	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI
Bahagian Satu	20	12	8
	50	30	20
Bahagian Dua	48	42	30
	40	35	25

HURAIAN KONSTRUK KMK 2216

KONSTRUK	ASPEK DITAKSIR	HURAIAN
1	Mengetahui elemen-elemen dalam kesusasteraan.	Konstruk ini mentaksir pengetahuan asas murid tentang pengertian istilah sastra dalam karya prosa dan puisi . Antara istilah sastra yang ditaksir ialah maksud, sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, binaan plot, teknik plot, watak dan perwatakan, gaya bahasa, nada, ciri prosa, bentuk puisi, nilai murni, pengajaran, latar, sudut pandangan, kritikan sastra dan pembangunan insan .
2	Mengetahui dan memahami elemen-elemen sastra dalam karya puisi	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid mengetahui elemen-elemen sastra dalam karya puisi iaitu, maksud, tema, persoalan, gaya bahasa (simile, metafora, personifikasi, hiperbola, paradoks, perlambangan, alusi, asonansi, aliterasi, anafora, responsi, epifora, simplok, repitisi (kata, frasa, baris, rangkap) inversi, hybrid, konotatif, sarkasme, kata ganda, sinkope, peribahasa, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, dialek, irama (puisi tradisional) atau nada (melankolik, patriotik, sinis, romantis, protes), bentuk puisi (rangkap, baris, perkataan, suku kata, rima akhir, kesimpulan bentuk), nilai murni, pengajaran, kritikan sastra (pandangan, sanjungan, saranan) .
3	Mengetahui dan memahami elemen-elemen sastra dalam karya prosa	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid mengetahui elemen-elemen sastra dalam karya prosa iaitu sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, binaan plot (permulaan, perkembangan, klimaks, antiklimaks (penurunan) dan peleraian), teknik plot (dialog, pemerian, saspens, imbas muka, imbas kembali, monolog luaran, monolog dalaman, kejutan, konflik), watak dan perwatakan (utama, sampingan, antagonis dan protagonis), gaya bahasa (simile, metafora, personifikasi, hiperbola, paradoks, perlambangan, alusi, simplok, repitisi (kata, frasa, ayat) inversi, konotatif, sarkasme, kata ganda, sinkope, peribahasa, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, da dialek), ciri prosa, nilai murni, pengajaran, latar (tempat, masa, masyarakat), sudut pandangan (sudut pandangan orang pertama dan sudut pandangan orang ketiga) kritikan sastra (pandangan, sanjungan, saranan) .
4	Menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya puisi	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menganalisis elemen-elemen sastra iaitu maksud, tema, persoalan, bentuk puisi, gaya bahasa, irama atau nada, nilai murni, pengajaran dan kritikan sastra .
5	Menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya prosa	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya prosa iaitu ciri prosa, sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, watak dan perwatakan, latar, binaan plot, teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai murni, pengajaran dan kritikan sastra .
6	Membangunkan nilai insan	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menilai elemen sahiah, isu masyarakat dan isu kenegaraan dalam karya sastra.
7	Menghasilkan karya sastra.	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid-murid menghasilkan (karya asli atau adaptasi) dan mempersembahkan karya sastra dalam pelbagai bentuk yang kreatif, menarik dan berkesan .

SAMPEL JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

MATA PELAJARAN : KESUSASTERAAN MELAYU
KOD KERTAS : 2216/1
PEPERIKSAAN/UJIAN : : MODUL SEMARAK KASIH 2.0 [SET 2]

No Soalan	Tajuk Genre	Huraian Konstruk yang ditaksir	KONSTRUK							Aras Kesukaran (Markah)			KBAT
			K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7				
BAHAGIAN A (STRUKTUR)										R	S	T	
1	Sajak Mencintai Tanah Ini	2 gaya bahasa berserta contoh.				/				4			
2	Sastera Hikayat : Hikayat Parang Putting	2 ciri sastera hikayat berserta contoh.			/					4			
3	Drama Mat Piah & Mr. Blackway	2 perwatakan berserta contoh berdasarkan petikan.					/			4			
4	Cerpen Air Mata Dalang	2 nilai murni berserta contoh.			/					4			
5	Novel Naratif Ogonshoto	2 teknik penceritaan berserta contoh.					/				4		
6	Cerpen Namun Itulah Hakikat	1 sudut pandangan berserta 3 contoh.			/						4		
7	Gurindam Beberapa Petua Hidup	Maksud 2 rangkap gurindam dalam petikan.	/							4			
8	Drama Anna	1 pandangan terhadap perwatakan Anna berserta contoh					/					4	/
9	Novel Naratif Ogonshoto	1 citra masyarakat berserta contoh.						/				4	/
10	Sastera Panji : Raden Puspa Kencana	1 sanjungan pada watak Sang Nata berserta contoh					/				4		/
JUMLAH MARKAH			4	0	12	4	16	4	0	20	12	8	3
PERATUS MARKAH			10	0	30	10	40	10	0	50	30	20	30

No Soalan	Tajuk Genre	Huraian Konstruk yang ditaksir		KONSTRUK							Aras Kesukaran (Markah)			KBAT
				K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	R	S	T	
BAHAGIAN B (ESEI)											R	S	T	
11.a)	Cerpen Bukit Emas	a)	2 latar tempat berserta contoh.			/					4			
11.b)		b)	2 keperibadian unggul watak Sahat berserta contoh.						/			8		/
11.c)		c)	2 isu masyarakat berserta contoh/huraian.						/			8		/
12.a)	Kasih Jualan (Pantun Empat Kerat)	a)	2 bentuk pantun berserta contoh	/							4			
12.b)		b)	2 nilai murni berserta contoh.	/							8			
12.c)		c)	Cipta 2 rangkap pantun 4 kerat bertemakan 'alam sekitar'.							/			8	/
13.a)	Novel Naratif Ogonshoto	a)	1 persoalan berserta contoh berdasarkan petikan.	/							4			
13.b)		b)	4 gaya bahasa berserta contoh dalam novel.	/							8			
13.c)		c)	Cipta sajak bertemakan semangat bekerjasama yang panjangnya 12 hingga 15 baris	/								8		
14.a)	Sastera Epik : Hang Tuah diutus ke Siam	a)	2 ciri sastera epik berserta huraian	/								4		
14.b)		b)	2 unsur patriotisme pada watak Laksamana berserta huraian							/	8			
14.c)		c)	Adaptasi perwatakan Laksamana kepada sajak yang panjangnya 12 hingga 15 baris.							/			8	/
15.a)	Cerpen Perspektif	a)	Tema cerpen tersebut berserta huraian	/							4			
15.b)		b)	2 unsur keagamaan berserta huraian dalam cerpen.						/		8			
15.c)		c)	2 saranan kepada watak Said berserta huraian.						/			8		/
16.a)	Drama Anna	a)	Pemikiran drama tersebut berserta huraian	/							4			
16.b)		b)	2 pengajaran berserta contoh/huraian dalam drama tersebut.	/							8			
16.c)		c)	Sambung petikan drama tidak kurang dari enam dialog.							/			8	/
JUMLAH MARKAH				0	0	0	0	0	0	0	60	36	24	0
PERATUS MARKAH				0	0	0	0	0	0	0	50	30	20	0

ANALISIS

Konstruk	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	JUMLAH
Markah	4	0	12	4	16	4	0	40
	0	0	0	0	0	0	0	0

Aras Kesukaran	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI
Bahagian Satu	20	12	8
	50	30	20
Bahagian Dua	60	36	24
	50	30	20

HURAIAN KONSTRUK KMK 2216

KONSTRUK	ASPEK DITAKSIR	HURAIAN
1	Mengetahui elemen-elemen dalam kesusasteraan.	Konstruk ini mentaksir pengetahuan asas murid tentang pengertian istilah sastra dalam karya prosa dan puisi . Antara istilah sastra yang ditaksir ialah maksud, sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, binaan plot, teknik plot, watak dan perwatakan, gaya bahasa, nada, ciri prosa, bentuk puisi, nilai murni, pengajaran, latar, sudut pandangan, kritikan sastra dan pembangunan insan .
2	Mengetahui dan memahami elemen-elemen sastra dalam karya puisi	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid mengetahui elemen-elemen sastra dalam karya puisi iaitu, maksud, tema, persoalan, gaya bahasa (simile, metafora, personifikasi, hiperbola, paradoks, perlambangan, alusi, asonansi, aliterasi, anafora, responsi, epifora, simplok, repitisi (kata, frasa, baris, rangkap) inversi, hybrid, konotatif, sarkasme, kata ganda, sinkope, peribahasa, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, dialek), irama (puisi tradisional) atau nada (melankolik, patriotik, sinis, romantis, protes), bentuk puisi (rangkap, baris, perkataan, suku kata, rima akhir, kesimpulan bentuk), nilai murni, pengajaran, kritikan sastra (pandangan, sanjungan, saranan) .
3	Mengetahui dan memahami elemen-elemen sastra dalam karya prosa	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid mengetahui elemen-elemen sastra dalam karya prosa iaitu sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, binaan plot (permulaan, perkembangan, klimaks, antiklimaks (penurunan) dan peleraian), teknik plot (dialog, pemerian, saspens, imbas muka, imbas kembali, monolog luaran, monolog dalaman, kejutan, konflik), watak dan perwatakan (utama, sampingan, antagonis dan protagonis), gaya bahasa (simile, metafora, personifikasi, hiperbola, paradoks, perlambangan, alusi, simplok, repitisi (kata, frasa, ayat) inversi, konotatif, sarkasme, kata ganda, sinkope, peribahasa, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, da dialek), ciri prosa, nilai murni, pengajaran, latar (tempat, masa, masyarakat), sudut pandangan (sudut pandangan orang pertama dan sudut pandangan orang ketiga) kritikan sastra (pandangan, sanjungan, saranan) .
4	Menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya puisi	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menganalisis elemen-elemen sastra iaitu maksud, tema, persoalan, bentuk puisi, gaya bahasa, irama atau nada, nilai murni, pengajaran dan kritikan sastra .
5	Menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya prosa	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya prosa iaitu ciri prosa, sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, watak dan perwatakan, latar, binaan plot, teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai murni, pengajaran dan kritikan sastra .
6	Membangunkan nilai insan	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menilai elemen sahiah, isu masyarakat dan isu kenegaraan dalam karya sastra.
7	Menghasilkan karya sastra.	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid-murid menghasilkan (karya asli atau adaptasi) dan mempersembahkan karya sastra dalam pelbagai bentuk yang kreatif, menarik dan berkesan .

SAMPEL JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

MATA PELAJARAN

: KESUSASTERAAAN MELAYU

KOD KERTAS

: 2216/1

PEPERIKSAAN/UJIAN :

: MODUL SEMARAK KASIH 2.0 [SET 3]

No Soalan	Tajuk Genre	Huraian Konstruk yang ditaksir	KONSTRUK							Aras Kesukaran (Markah)			KBAT
			K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7				
BAHAGIAN A (STRUKTUR)										R	S	T	
1	Drama Mat Piah dan Mr. Blackway	1 Persoalan berserta contoh					/				4		
2	Novel Naratif Ogonshoto	2 Gaya bahasa berserta contoh		/						4			
3	Sajak Ranting	4 Bentuk puisi		/						4			
4	Cerpen Rindu Seorang Rafik	2 Teknik plot berserta contoh					/			4			
5	Novel Naratif Ogonshoto	1 Sudut pandangan berserta 3 contoh					/			4			
6	Pantun 4 kerat Kasih Jualan	2 Unsur bunyi berserta contoh		/						4			
7	Sastera Hikayat -Hikayat Parang Puting	2 Ciri sastera Hikayat berserta contoh					/				4		
8	Cerpen Namun Itulah Hakikat	1 Pandangan terhadap masyarakat dalam				/					4		
9	Drama Anna	1 Citra masyarakat berserta contoh						/				4	
10	Sastera Panji	1 Keperibadian unggul Sang Nata berserta						/				4	/
JUMLAH MARKAH			0	12	0	4	16	8	0	20	12	8	1
PERATUS MARKAH			0	30	0	10	40	20	0	50	30	20	10

No Soalan	Tajuk Genre		Huraian Konstruk yang ditaksir	KONSTRUK							Aras Kesukaran (Markah)			KBAT
				K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7				
BAHAGIAN B (ESEI)											R	S	T	
11.a)	Drama Mat Piah dan Mr. Black	a)	3 Teknik penulisan drama berserta contoh			/					6			
11.b)		b)	2 Latar tempat berserta huraian					/			6			
11.c)		c)	Sambung dialog menjadi 6 skrip drama yang lengkap									8		
12.a)	Sastera Epik Hang Tuah Diutus Ke Siam	a)	2 Pengajaran berserta huraian					/				6		
12.b)		b)	3 Nilai terpuji yang ada pada watak Hang Tuah						/			6		
12.c)		c)	Berdasarkan petikan sastera Epik adaptasikan kepada 6 dialog drama							/			8	8
13.a)	Cerpun Gulai Sembilang Untuk Abah	a)	1 Persoalan kasih sayang berserta huraian					/			4			
13.b)		b)	2 Perwatakan Averah berserta huraian						/		8			
13.c)		c)	2 Isu masyarakat berserta huraian									8		8
14.a)	Gurindam Beberapa Petua Hidup	a)	2 pengajaran berserta contoh				/					4		
14.b)		b)	4 bentuk puisi berserta huraian				/				8			
14.c)		c)	Cipta 4 rangkap gurindam yang bertemakan nilai-nilai murni							/			8	8
15.a)	Novel Naratif Ogonshoto	a)	2 Latar masyarakat berserta contoh				/				6			
15.b)		b)	2 Nilai kegigihan berserta huraian						/			8		
15.c)		c)	Sambung petikan menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjangnya petikan antara 80 hingga 100 patah perkataan							/			8	8
16.a)	Sajak Sekeping Kartu Kecil	a)	1 Nada berserta contoh				/					4		
16.b)		b)	4 Gaya bahasa berserta contoh		/						8			
16.c)		c)	Cipta sajak yang bertemakan persahabatan. Panjang sajak hendaklah antara 12 hingga 15 baris							/			8	
JUMLAH MARKAH				0	0	0	0	0	0	0	46	44	32	32
PERATUS MARKAH				0	0	0	0	0	0	0	38	37	27	27

ANALISIS

Konstruk	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	JUMLAH
Markah	0	12	0	4	16	8	0	40
	0	0	0	0	0	0	0	0

Aras Kesukaran	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI
Bahagian Satu	20	12	8
	50	30	20
Bahagian Dua	46	44	32
	38	37	27

HURAIAN KONSTRUK KMK 2216

KONSTRUK	ASPEK DITAKSIR	HURAIAN
1	Mengetahui elemen-elemen dalam kesusasteraan.	Konstruk ini mentaksir pengetahuan asas murid tentang pengertian istilah sastra dalam karya prosa dan puisi . Antara istilah sastra yang ditaksir ialah maksud, sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, binaan plot, teknik plot, watak dan perwatakan, gaya bahasa, nada, ciri prosa, bentuk puisi, nilai murni, pengajaran, latar, sudut pandangan, kritikan sastra dan pembangunan insan .
2	Mengetahui dan memahami elemen-elemen sastra dalam karya puisi	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid mengetahui elemen-elemen sastra dalam karya puisi iaitu, maksud, tema, persoalan, gaya bahasa (simile, metafora, personifikasi, hiperbola, paradoks, perlambangan, alusi, asonansi, aliterasi, anafora, responsi, epifora, simplok, repitisi (kata, frasa, baris, rangkap) inversi, hybrid, konotatif, sarkasme, kata ganda, sinkope, peribahasa, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, dialek), irama (puisi tradisional) atau nada (melankolik, patriotik, sinis, romantis, protes), bentuk puisi (rangkap, baris, perkataan, suku kata, rima akhir, kesimpulan bentuk), nilai murni, pengajaran, kritikan sastra (pandangan, sanjungan, saranan) .
3	Mengetahui dan memahami elemen-elemen sastra dalam karya prosa	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid mengetahui elemen-elemen sastra dalam karya prosa iaitu sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, binaan plot (permulaan, perkembangan, klimaks, antiklimaks (penurunan) dan peleraian), teknik plot (dialog, pemerian, saspens, imbas muka, imbas kembali, monolog luaran, monolog dalaman, kejutan, konflik), watak dan perwatakan (utama, sampingan, antagonis dan protagonis), gaya bahasa (simile, metafora, personifikasi, hiperbola, paradoks, perlambangan, alusi, simplok, repitisi (kata, frasa, ayat) inversi, konotatif, sarkasme, kata ganda, sinkope, peribahasa, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, da dialek), ciri prosa, nilai murni, pengajaran, latar (tempat, masa, masyarakat), sudut pandangan (sudut pandangan orang pertama dan sudut pandangan orang ketiga) kritikan sastra (pandangan, sanjungan, saranan) .
4	Menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya puisi	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menganalisis elemen-elemen sastra iaitu maksud, tema, persoalan, bentuk puisi, gaya bahasa, irama atau nada, nilai murni, pengajaran dan kritikan sastra .
5	Menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya prosa	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menganalisis elemen-elemen sastra dalam karya prosa iaitu ciri prosa, sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, watak dan perwatakan, latar, binaan plot, teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai murni, pengajaran dan kritikan sastra .
6	Membangunkan nilai insan	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menilai elemen sahiah, isu masyarakat dan isu kenegaraan dalam karya sastra.
7	Menghasilkan karya sastra.	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid-murid menghasilkan (karya asli atau adaptasi) dan mempersembahkan karya sastra dalam pelbagai bentuk yang kreatif, menarik dan berkesan .